Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Keempat 2003

TINJAUAN KESELURUHAN

Momentum pertumbuhan lebih kukuh pada suku keempat

Momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia meningkat dengan kukuh kepada 6.4% pada suku keempat 2003 daripada 5.2% pada suku ketiga. Pertumbuhan adalah menyeluruh dengan kesemua sektor dan komponen permintaan memberi sumbangan yang positif. Peningkatan eksport yang lebih kukuh meningkatkan sokongan kepada aktiviti sektor swasta dan perbelanjaan pengguna. Pertambahan keyakinan pengguna dan peniaga, asas ekonomi yang teguh dan kadar faedah yang rendah menyumbang kepada momentum pertumbuhan yang lebih mantap. Perkembangan penting pada suku keempat adalah peningkatan pelaburan yang lebih menggalakkan. Gabungan antara permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dan eksport yang meningkat, menghasilkan pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi daripada jangkaan sebanyak 5.2% pada keseluruhan tahun 2003.

Pertumbuhan KDNK Benar yang lebih kukuh pada suku keempat



Pemacu utama prestasi pertumbuhan yang lebih memberangsangkan adalah sektor perkilangan, sementara kebanyakan sektor lain turut mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi. Pertumbuhan dalam sektor perkilangan melonjak sebanyak 12% dengan sumbangan 3.5 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK. Pengembangan ini didorong oleh pengukuhan permintaan dalam negeri serta diperkukuh oleh eksport yang lebih pesat. Oleh yang demikian, peningkatan yang lebih tinggi ini dapat dilihat dalam industri yang berorientasi eksport dan dalam negeri (masing-masing sebanyak 17.2% dan 8.3%; S3 2003: masing-masing sebanyak 11.5% dan 6%). Penggunaan kapasiti dalam kedua-dua sektor juga kekal tinggi.

Dalam industri berorientasikan eksport, pertumbuhan yang lebih kukuh dicatat dalam industri elektronik, bahan kimia dan keluaran getah. Pengeluaran elektronik meningkat dengan ketara berikutan peningkatan permintaan global yang menyeluruh dalam kesemua pasaran dan segmen keluaran. Kesan limpahan daripada prestasi elektronik yang menggalakkan serta permintaan luar negeri bagi resin dan keluaran plastik yang meningkat, mendorong pertumbuhan dalam industri keluaran kimia. Peningkatan keluaran getah yang kukuh disebabkan terutamanya oleh permintaan luar negeri bagi sarung tangan getah yang lebih tinggi. Dalam industri berorientasikan dalam negeri, pertumbuhan yang lebih tinggi disokong oleh peningkatan dalam industri berkaitan pembinaan serta makanan dan minuman.

Prestasi yang lebih mantap dalam sektor perkilangan memperkukuhkan pemulihan dalam sektor perkhidmatan dengan pertumbuhan terus meningkat kepada 4.5% (S3: 4.4%). Pertumbuhan didorong oleh sentimen pengguna yang meningkat, aktiviti perdagangan yang lebih tinggi dan ketibaan pelancong yang kembali pulih sejak November ke tahap sebelum wabak SARS yang melebihi satu juta pelancong. Paling ketara adalah subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran yang mencatat peningkatan yang kukuh pada suku keempat disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan pengguna ketika jualan Mega dan musim perayaan pada akhir tahun.

Sektor pertanian terus mencatat peningkatan (2.2%) disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah dan getah yang lebih tinggi dalam suasana harga yang menggalakkan. Sektor perlombongan juga mencatat prestasi yang lebih kukuh disebabkan terutamanya oleh keluaran minyak mentah yang lebih tinggi.

Pertumbuhan dalam sektor pembinaan pada suku keempat terus kekal berikutan pertumbuhan dalam subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Aktiviti subsektor kediaman disokong oleh projek perumahan yang baru dimulakan dan projek perumahan yang sedang dijalankan daripada pelancaran sebelum ini. Insentif yang ditawarkan oleh Pakej Ekonomi, kadar faedah yang rendah dan pakej pembiayaan yang menarik menyokong permintaan untuk perumahan. Dalam sektor awam, perbelanjaan pembangunan kekal tinggi pada suku keempat.

Dari segi permintaan, pertumbuhan permintaan dalam negeri didorong terutamanya oleh sektor swasta dengan pertumbuhan penggunaan isi rumah yang lebih kukuh. Faktor pendorong termasuk kadar faedah yang rendah, peningkatan akses kepada pembiayaan, harga komoditi yang lebih tinggi, kesan kekayaan yang positif berikutan harga ekuiti yang lebih tinggi dan langkah-langkah daripada Pakej Ekonomi yang menghasilkan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi. Prestasi luar negeri yang lebih menggalakkan pada suku keempat terus meningkatkan keyakinan pengguna dan peniaga. Buat kali pertama sejak Ogos 2002, penjualan kereta penumpang meningkat semula pada bulan Disember, mencerminkan sebahagiannya permintaan yang terpendam. Kecenderungan mengguna yang lebih tinggi disokong oleh pembayaran bonus tahunan pada akhir tahun berikutan keadaan prospek guna tenaga yang lebih memuaskan, perayaan bermusim dan perolehan eksport yang lebih tinggi. Hasilnya, penggunaan swasta pada suku keempat mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 6.9%. Penggunaan awam juga lebih tinggi dengan pertumbuhan sebanyak 11.1% disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan yang lebih tinggi.

Perkembangan penting pada suku keempat adalah pertumbuhan pelaburan yang lebih kukuh dengan pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 3.6%. Pelaburan swasta dalam jentera dan kelengkapan terus kukuh dengan peningkatan sentimen perniagaan dan penggunaan kapasiti yang menggalakkan terutamanya bagi industri berorientasikan eksport dalam sektor perkilangan. Sementara itu, walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan lebih rendah berbanding suku yang sama tahun 2002, ia kekal tinggi pada suku keempat disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan pengangkutan dan kemudahan kesihatan. Walau bagaimanapun, defisit fiskal mengecil pada suku keempat.

Semakan ke atas data perdagangan (berikutan pertukaran kepada Sistem Pertukaran Data Elektronik) menunjukkan sumbangan sektor eksport kepada pengembangan keluaran yang kukuh serta peningkatan keseluruhan sentimen. Memandangkan data perdagangan sedang dikaji semula, semakan statistik seterusnya ke atas komponen permintaan adalah dijangkakan. Selanjutnya, komponen permintaan dalam akaun negara terutamanya butir-butir "perubahan dalam stok" dan "eksport bersih" akan diselaraskan apabila semakan kepada data perdagangan muktamad.

Pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh pada suku keempat dicapai dengan inflasi yang rendah. Harga pengguna mencatat peningkatan yang tidak membebankan sebanyak 1.2%. Gabungan kapasiti yang semakin meningkat, produktiviti yang lebih tinggi dan perletakan harga barangan dan perkhidmatan yang lebih kompetitif terus menyekat kuasa penentuan harga, walaupun permintaan kukuh. Peningkatan harga harta tanah juga kecil dan tertumpu terutamanya di lokasi terpilih.

Dalam sektor luar negeri, data yang disemak menunjukkan lebihan perdagangan pada suku keempat adalah lebih besar sebanyak RM19.8 bilion (S3: RM19.4 bilion). Eksport kasar berkembang dengan kukuh sebanyak 14.9%, sementara import meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 16% (3Q: masing-masing 7.9% dan 1.9%). Pertambahan eksport kasar disebabkan oleh peningkatan eksport barangan perkilangan yang ketara dan pertumbuhan eksport komoditi utama yang terus kukuh. Dalam sektor perkilangan, eksport yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam kitaran elektronik. Eksport pertanian dan galian kekal kukuh, disokong oleh harga dan jumlah minyak sawit,gas asli cecair (LNG) dan minyak mentah yang tinggi.

Peningkatan permintaan dalam negeri dan eksport meningkatkan import dengan kesemua kategori import mencatat pengembangan yang kukuh. Sejajar dengan peningkatan eksport elektronik, import barangan pengantara yang menjadi input kepada barangan perkilangan mencatat pertumbuhan yang kukuh. Pengembangan import barangan penggunaan disebabkan terutamanya oleh penggunaan yang lebih tinggi pada musim perayaan. Keyakinan pengguna yang meningkat juga mendorong pengembangan yang kukuh dalam import barangan pengguna. Import barangan modal berkembang pada kadar yang memberangsangkan, mencerminkan sentimen pelabur yang terus meningkat.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing kekal tinggi. Berdasarkan asas tunai, aliran masuk ekuiti jangka panjang baru meningkat berganda kepada RM2.8 bilion pada suku keempat. Sebahagian besar daripada pelaburan langsung asing disalurkan kepada sektor perkilangan, terutamanya elektrik dan elektronik serta aktiviti berkaitan petroleum dan sektor minyak dan gas. Pelaburan langsung asing dalam sektor perkhidmatan adalah tertumpu terutamanya kepada perkhidmatan pembiayaan dan perniagaan serta perdagangan borong dan runcit.

Perolehan dalam sektor luar negeri dicerminkan oleh peningkatan rizab sebanyak AS$4.2 bilion kepada AS$44.9 bilion pada akhir suku keempat, disebabkan terutamanya oleh aliran masuk jangka panjang yang berkaitan dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan. Aliran bersih modal portfolio juga meningkat sejajar dengan aktiviti ekonomi yang lebih kukuh dan sentimen pelabur

yang bertambah baik. Rizab antarabangsa terus meningkat kepada AS$48.4 bilion pada 14 Februari 2004, cukup untuk membiayai selama 7.6 bulan import tertangguh dan 5.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kadar pertukaran ringgit terus disokong oleh peningkatan dalam perdagangan dan aliran pelaburan yang semakin pesat, rizab pertukaran asing yang beransur-ansur meningkat, inflasi yang rendah, lebihan akaun semasa yang kekal tinggi, hutang luar negeri yang rendah serta sistem perbankan yang kukuh dan berdaya tahan.

Dasar kewangan menyokong aktiviti ekonomi yang lebih kukuh

Keadaan monetari terus menyokong momentum pertumbuhan yang semakin kukuh. Ini diperlihatkan oleh permintaan kredit yang lebih menggalakkan, pinjaman tidak berbayar yang menurun serta sistem kewangan yang terus memberi sokongan padu kepada aktiviti sektor swasta. Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan meningkat dengan kukuh pada kadar tahunan 14.3%. Berbanding dengan suku sebelumnya, pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah kekal kukuh dan jumlah yang dikeluarkan kepada perniagaan adalah lebih tinggi.

Jumlah pinjaman yang terkumpul meningkat pada kadar tahunan 4.8% pada akhir Disember, akibat daripada pengeluaran pinjaman yang lebih besar. Pinjaman yang terkumpul oleh industri kecil dan sederhana (IKS), yang mencakupi 17.3% daripada kesemua jumlah pinjaman yang terkumpul dan 38.3% daripada jumlah pinjaman yang terkumpul oleh perniagaan, meningkat dengan pesat pada kadar tahunan 10%, iaitu tahap tertinggi sejak Julai 2001. Pinjaman yang terkumpul oleh IKS meningkat masing-masing sebanyak RM2.4 bilion dan RM7.4 bilion pada suku keempat dan 2003. Secara keseluruhan, pembiayaan oleh sistem perbankan melalui pemberian pinjaman dan juga pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) berkembang pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 5.9% pada akhir Disember. Jumlah kasar pembiayaan sektor swasta yang diperoleh daripada sistem perbankan dan pasaran modal meningkat sebanyak 12.8% pada suku keempat.

Peningkatan dalam ketiga-tiga agregat monetari juga mencerminkan sentimen pengguna dan peniaga yang pulih dengan nyata. Sementara pengembangan M1 yang lebih kukuh (14.6%) mencerminkan peningkatan permintaan mudah tunai bermusim oleh pengguna dan peniaga, pertumbuhan M3 (9.7%) yang lebih tinggi pula mencerminkan pengembangan sektor luar negeri serta operasi Kerajaan.

Walaupun permintaan pinjaman lebih kukuh, kadar pemberian pinjaman purata terus menurun disebabkan oleh suasana persaingan yang semakin meningkat berserta tabungan yang berlebihan. Meskipun aliran masuk modal adalah lebih besar, operasi mudah tunai BNM memastikan kadar faedah kekal stabil. Kos sterilisasi kekal sederhana. Hasilnya, pertumbuhan bekalan wang akan terus menyokong aktiviti ekonomi pada tahap yang lebih tinggi.

Sistem perbankan kukuh

Sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) berada pada 13.4% pada akhir Disember 2003.

Keuntungan sektor perbankan terus meningkat pada suku keempat dengan keuntungan

operasi kasar yang lebih tinggi sebanyak RM3.2 bilion. Pendapatan yang lebih tinggi berasaskan faedah (+11.6%) dan pendapatan berasaskan fi (+17.8%) juga mengimbangi kenaikan dalam kos operasi pada suku ini. Keadaan ekonomi yang bertambah baik menyebabkan peruntukan tambahan bagi hutang lapuk dan ragu oleh institusi perbankan menjadi lebih rendah. Jumlah pemulihan juga meningkat sebanyak RM1.5 bilion pada suku keempat.

Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih (klasifikasi 3-bulan) menurun kepada 8.9% pada akhir Disember 2003. Paras NPL bagi hampir kesemua sektor perniagaan bertambah baik. Nisbah NPL kasar bagi IKS terus menurun kepada 14.7% pada akhir Disember 2003. NPL bagi sektor isi rumah juga lebih rendah sebanyak 8.1%.

Penunjuk ekonomi ke hadapan memperlihatkan pertumbuhan yang lebih tinggi

Prospek pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2004 dijangka meningkat dengan ketara dengan pertumbuhan yang lebih menyeluruh di negara-negara perindustrian utama serta diperkukuh oleh pertumbuhan yang menggalakkan di rantau Asia. Pada suku keempat 2003, pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS) secara relatifnya kekal pada kadar yang tinggi sebanyak 4%, seterusnya menghasilkan pertumbuhan yang lebih kukuh daripada jangkaan dengan peningkatan sebanyak 3.1% pada keseluruhan tahun 2003. Di Eropah, peningkatan sentimen perniagaan dan eksport bersih memberi petanda positif bahawa pemulihan ekonomi akan lebih mantap. Di Jepun, pengembangan ekonomi hasil daripada peningkatan eksport dan perbelanjaan modal yang tinggi serta kesan pemulihan kadar pengangguran mengukuhkan prospek pertumbuhan yang mapan.

Suasana luar negeri yang begitu memberangsangkan akan mempertingkatkan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh di Malaysia. Keyakinan pengguna dan peniaga yang lebih tinggi dijangka memperkukuh momentum pertumbuhan penggunaan dan pelaburan swasta yang lebih mantap, sementara sektor awam dijangka kukuh secara beransur-ansur.

Penunjuk pelopor terus menyokong pertumbuhan yang mapan bagi jangka masa terdekat dan sederhana. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia meningkat 2.7 mata kepada 115.5 mata pada suku keempat. Peningkatan ini adalah yang tertinggi sejak tahun 2001 dan trend perbelanjaan pengguna yang meningkat ini dijangka berterusan pada bulan-bulan yang akan datang. Prospek pelaburan, khususnya pelaburan swasta juga menunjukkan kitaran menaik. Peningkatan sentimen pelabur dalam ekuiti serta dana yang lebih besar yang dikumpul oleh syarikat awam yang tersenarai menerusi tawaran awam awal (IPOs), permohonan pinjaman yang lebih kukuh dan kelulusan pelaburan yang lebih tinggi dalam perkilangan menunjukkan aktiviti perniagaan yang terus berkembang. Di samping itu, ekonomi terus menikmati kesan positif daripada harga komoditi yang kukuh dan peningkatan perdagangan intraserantau serta kitaran menaik yang lebih mendadak dalam industri elektronik.

Peningkatan sentimen disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh, yang bukan sahaja menyediakan suasana yang stabil untuk pertumbuhan masa hadapan tetapi juga bagi membolehkan risiko ekonomi dibendung. Prospek inflasi adalah kekal rendah dan stabil sementara peningkatan rizab antarabangsa pula adalah

disebabkan terutamanya oleh aliran masuk aktiviti perdagangan dan pelaburan jangka panjang yang berterusan. Di samping itu, tahap modal sistem perbankan adalah lebih kukuh dengan trend NPL yang menurun, mencerminkan sektor perbankan yang lebih berdaya tahan. Meskipun perbelanjaan pengguna lebih kukuh dan hutang isi rumah lebih tinggi, keupayaan membiayai khidmat hutang tetap utuh disebabkan pertumbuhan pendapatan boleh guna yang lebih cepat.

Dasar monetari yang akomodatif akan dikekalkan bagi menyokong momentum pertumbuhan yang mapan. Sementara itu, kapasiti berlebihan terus mendorong pengembangan ekonomi tanpa memberi tekanan ke atas bekalan dan inflasi.

PERKEMBANGAN EKONOMI

Keadaan Ekonomi Antarabangsa

Pertumbuhan ekonomi global bertambah kukuh dan lebih menyeluruh. Pertumbuhan ekonomi AS lebih kukuh daripada jangkaan. Peningkatan sentimen perniagaan adalah positif bagi pemulihan ekonomi Eropah

Ekonomi global bertambah kukuh pada suku keempat. Pertumbuhan juga lebih menyeluruh, diterajui oleh Amerika Syarikat (AS) di samping pertumbuhan yang lebih kukuh di Jepun dan pemulihan di kawasan euro. Rantau Asia khususnya, Republik Rakyat China, turut menyumbang kepada peningkatan ekonomi global yang pesat.

Pada suku keempat, pertumbuhan ekonomi **AS** kekal pada kadar yang secara relatifnya tinggi sebanyak 4% (S3 2003: 8.2%). Ini menghasilkan pertumbuhan yang lebih tinggi daripada jangkaan sebanyak 3.1% bagi keseluruhan tahun 2003 (2.2% pada tahun 2002). Pertumbuhan disokong oleh sumbangan positif daripada peningkatan penggunaan, pelaburan, eksport dan inventori. Di kawasan **euro** pula, peningkatan sentimen perniagaan dan eksport bersih adalah penunjuk positif kepada pemulihan pertumbuhan ekonomi. Sementara itu, ekonomi **Jepun** berkembang pesat dengan peningkatan eksport dan perbelanjaan modal berikutan kadar pengangguran yang lebih rendah. Pasaran kewangan global bertambah teguh dengan keuntungan korporat yang lebih tinggi dan jangkaan perniagaan yang lebih positif seterusnya mengukuhkan pasaran saham. Ini mencerminkan prospek ekonomi yang meningkat dengan lebih menyeluruh. Prospek permintaan yang bertambah kukuh dan kos modal yang lebih rendah memulihkan kitaran pelaburan dalam ekonomi global.

Dalam pasaran pertukaran asing, penyusutan nilai dolar AS berterusan sejak bulan November tetapi kekal teratur. Walau bagaimanapun, penyelarasan ekonomi global yang seimbang meningkat oleh pertumbuhan yang lebih seimbang di Jepun, Eropah dan negara-negara Asia. Pengembangan ekonomi global yang mapan pada masa depan akan didorong oleh kekuatan pengembangan kitaran pelaburan di negara-negara perindustrian serta pertumbuhan yang lebih seimbang antara AS dan ekonomi utama dan serantau yang lain. Seterusnya mengurangkan risiko yang muncul daripada keseimbangan struktur yang wujud dalam ekonomi global.

Negara-negara Perindustrian Utama: Pertumbuhan KDNK benar mempamerkan prestasi yang lebih baik

	Suku tahunan			
	S2 '03	S3 '03	S4 '03	Faktor penyumbang
AS[1/]	3.1	8.2	4.0	Perbelanjaan pengguna, eksport, penambahan inventori, perbelanjaan dalam pelaburan tetap perumahan serta peralatan dan perisian
UK	2.0	2.1	2.5	Pengukuhan perbelanjaan pengguna dan sektor perkhidmatan
Jerman	-0.7	-0.2	0.3	Permintaan dalam negeri yang lembap tetapi eksport bersih dan penggunaan kerajaan yang meningkat
Jepun[1/]	3.5	2.2	7.2	Pemulihan ekonomi terus didorong oleh eksport dan perbelanjaan modal. Perbelanjaan isi rumah pulih semula

[1/] berasaskan kadar tahunan

Di rantau **Asia** pertumbuhan yang lebih tinggi dicatat pada suku keempat selepas meningkat dengan kukuh pada suku ketiga. Sementara prestasi eksport yang lebih kukuh menjadi pendorong utama, pertumbuhan juga disokong oleh penggunaan swasta yang semakin kukuh serta peningkatan dalam aktiviti pelaburan. Prestasi eksport yang lebih memberangsangkan di kesemua negara serantau menunjukkan permintaan

bermusim akhir tahun yang tinggi berikutan pemulihan yang pesat ekonomi global. Secara keseluruhan, pertumbuhan serantau pada tahun 2003 dijangka kekal sebanyak 6.1% (2002: 6.1%), didorong oleh pertumbuhan KDNK benar Republik Rakyat China sebanyak 9.1%.

Negara-negara Asia: Pertumbuhan KDNK yang lebih pesat pada suku keempat (Pertumbuhan tahunan, %)

	Tahun		Suku tahunan		Faktor Penyumbang
	2002	2003[a/]	S3 '03	S4 '03[a/]	
P. R. China	8.2	9.1	9.6	9.9	Pengembangan eksport yang pesat dan permintaan dalam negeri yang kukuh, terutamanya pelaburan
Korea	6.3	2.9	2.3	3.6	Pretasi eksport yang kukuh lebih daripada mengimbangi kelemahan penggunaan swasta
Singapura	2.2	0.8	1.8	3.7	Pemulihan prestasi kedua-dua industri perkilangan dan perkhidmatan
Filipina	4.4	4.5	5.1	4.5	Penggunaan swasta yang kukuh dan peningkatan pelaburan dalam sektor terpilih
Indonesia	3.7	4.1	3.9	4.4	Perbelanjaan kerajaan yang tinggi dan peningkatan eksport
C. Taipei	3.6	3.2	4.2	5.2	Prestasi eksport yang kukuh

[a/] Anggaran

Keadaan inflasi negara serantau masih lemah. Republik Rakyat China mencatat kenaikan harga pengguna disebabkan terutamanya oleh harga makanan yang lebih tinggi. Sebaliknya, tekanan deflasi di Hong Kong China dan China Taipei reda, sejajar dengan pemulihan keadaan permintaan dalam negeri. Pada suku tersebut, pergerakan kadar faedah bercampur-campur, tetapi terus pada kadar yang secara relatifnya rendah. Di samping itu, pergerakan kadar pertukaran mata wang bercampur-campur sementara kedudukan rizab antarabangsa bertambah kukuh.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan menyeluruh kesemua sektor

Pertumbuhan lebih kukuh dalam ekonomi Malaysia disokong oleh pengembangan menyeluruh kesemua sektor utama ekonomi, didorong terutamanya oleh sektor perkilangan yang menyumbang 3.5 mata peratusan kepada KDNK. Prestasi sektor perkilangan yang lebih mantap terus memperkukuh pemulihan dalam sektor perkhidmatan.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2002		2003		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	% perubahan tahunan				
Pertanian	5.5	3.0	6.1	2.2	5.5
Perlombongan	7.1	3.7	1.1	3.0	4.8
Perkilangan	5.7	4.0	8.3	12.0	8.2
Pembinaan	0.5	2.3	2.4	2.7	1.9
Perkhidmatan	4.6	4.1	4.4	4.5	4.1
KDNK benar (perubahan tahunan)	**5.4**	**4.1**	**5.2**	**6.4**	**5.2**
KDNK benar (perubahan berbanding suku sebelumnya)	**0.7**	**4.1**	**4.3**	**1.9**	**5.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

...sektor perkilangan pemacu utama

Pertumbuhan dalam **sektor perkilangan** meningkat dengan pesat untuk mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12% pada suku keempat, didorong oleh peningkatan dalam eksport dan pengukuhan permintaan dalam negeri. Pertumbuhan yang lebih kukuh tersebut didorong oleh pengembangan yang lebih mantap dalam industri berorientasikan eksport dan dalam negeri

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Prestasi Sektor Perkilangan

	2002		2003		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	% Perubahan Tahunan				
Nilai ditambah (harga malar)	**5.7**	**4.0**	**8.3**	**12.0**	**8.2**
Pengeluaran Keseluruhan	**6.7**	**4.5**	**10.1**	**15.2**	**10.3**
Industri berorientasikan eksport	**8.9**	**5.0**	**11.5**	**17.2**	**11.8**
Antaranya:					
- Elektronik	12.5	13.4	14.0	29.0	14.8
- Barangan Elektrik	-4.2	-5.1	-11.9	-3.0	-6.9
- Tekstil & pakaian	4.4	-6.2	0.4	-12.0	-2.4
- Bahan kimia dan keluaran kimia	13.1	2.7	20.2	22.6	20.7
- Pemprosesan luar estet	12.0	7.1	17.1	0.0	11.8
- Keluaran getah	5.5	2.0	26.2	23.7	18.7
- Kayu dan keluaran kayu[1/]	1.0	-6.0	1.1	-1.2	0.9
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**0.6**	**3.4**	**6.0**	**8.3**	**6.0**
Antaranya:					
- Kelengkapan pengangkutan	-7.9	6.2	-3.8	-0.3	-6.3
- Keluaran logam yang direka	-1.9	0.8	0.5	17.2	7.3
- Besi & keluli dan logam bukan ferum	4.7	2.4	13.7	15.2	11.3
- Keluaran galian bukan logam	1.3	5.1	9.2	7.7	9.6
- Keluaran petroleum	-6.0	-4.1	-6.5	-1.8	2.2
- Makanan	10.3	8.7	15.5	7.7	8.9

1/ Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

(masing-masing sebanyak 17.2% dan 8.3%; S3 2003: masing-masing sebanyak 11.5% dan 6%). Penggunaan kapasiti dalam industri berorientasikan eksport kekal tinggi pada paras 88% (S3 2003: 88%), manakala penggunaan kapasiti industri berorientasikan dalam negeri merosot kepada 74% (S3 2003: 82%), disebabkan terutamanya oleh pengeluaran industri kelengkapan pengangkutan yang lebih rendah. Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor perkilangan kekal tinggi sebanyak 82% pada suku keempat (S3 2003: 85%).

Prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih kukuh mencerminkan pengembangan dalam industri elektronik, keluaran kimia dan keluaran getah. Khususnya, pengeluaran elektronik meningkat dengan ketara berikutan peningkatan permintaan global dalam kesemua pasaran dan segmen keluaran. Kesan limpahan daripada prestasi elektronik yang menggalakkan serta permintaan luar negeri bagi resin dan keluaran plastik yang meningkat, mendorong pertumbuhan dalam industri keluaran kimia. Pengembangan industri keluaran getah yang kukuh adalah disebabkan terutamanya oleh permintaan luar negeri bagi sarung tangan getah yang lebih tinggi. Dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri, pertumbuhan yang lebih tinggi adalah disokong oleh pengembangan dalam industri berkaitan pembinaan serta makanan dan minuman. Sementara itu, prestasi industri kelengkapan pengangkutan terjejas oleh permintaan kereta baru yang lebih perlahan.

Diperkukuh oleh pemulihan yang berterusan dalam sektor perkhidmatan

Sektor perkhidmatan terus pulih dengan pertumbuhan terus kukuh pada suku keempat pada kadar 4.5% (S3 2003: 4.4%), didorong oleh sentimen pengguna yang meningkat, aktiviti perdagangan yang lebih tinggi dan ketibaan pelancong yang kembali pulih sejak bulan November ke tahap sebelum wabak SARS yang melebihi satu juta pelancong. Paling ketara adalah subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran yang mencatat peningkatan pada suku keempat

Nilai Ditambah Sektor Perkhidmatan

	2002		2003		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	% perubahan tahunan				
Perkhidmatan pengantara	**3.8**	**4.3**	**6.2**	**5.9**	**5.2**
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	3.3	2.6	5.5	7.7	5.6
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	4.0	5.3	6.6	4.9	4.9
Perkhidmatan akhir	**5.2**	**4.1**	**3.2**	**3.6**	**3.4**
Elektrik, gas dan air	4.3	3.9	5.2	5.0	6.2
Perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran	2.6	2.6	1.7	3.1	1.5
Perkhidmatan Kerajaan	9.3	6.7	4.1	5.7	5.6
Perkhidmatan lain	6.9	4.6	4.3	2.1	3.2
Jumlah Perkhidmatan	**4.6**	**4.1**	**4.4**	**4.5**	**4.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan

Penunjuk terpilih	2003				
	S2	S3	S4	S3	S4
	Tahap			perubahan berbanding suku sebelumnya (tahap)	
Indeks pengeluaran elektrik	244.4	246.9	244.5	2.5	-2.4
Indeks Komposit BSKL (akhir tempoh)	691.96	733.45	793.94	41.5	60.5
Indeks Kajiselidik Runcit MIER	96.3	125.0	114.0	28.7	-11.0
Indeks Pengusaha Hotel MIER	81.0	139.0	133.6	58.0	-5.4
Indeks Agensi Pelancongan MIER	73.0	122.0	138.1	49.0	16.1
	Perubahan tahunan (%)			perubahan berbanding suku sebelumnya (%)	
Ketibaan pelancong	-51.6	-24.2	3.8	46.7	37.1
Import barangan pengguna	-1.6	-12.0	8.4	-6.6	27.6
Kredit penggunaan yang dikeluarkan	1.9	7.4	4.2	9.2	-0.1
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang di Malaysia	-15.9	3.4	8.1	31.4	6.7
Jumlah TEUs tempatan yang dikendali 1/	7.0	8.4	12.8	7.7	3.2
Jumlah baki pinjaman (akhir tempoh)	4.2	5.1	4.8	1.9	0.3
Jumlah urusniaga harta tanah (nilai)	-1.3	3.2	51.3	11.9	3.7

1/ Untuk Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Klang

Sumber: Pelbagai sumber

disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan pengguna ketika jualan Mega dan musim perayaan pada akhir tahun.

Pertumbuhan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan meningkat dengan ketara, didorong terutamanya oleh pertumbuhan sektor telekomunikasi yang kukuh. Segmen selular, khususnya didorong oleh peningkatan bilangan pelanggan dan penggunaan data mudah alih yang lebih tinggi seperti sistem pesanan ringkas (SMS) dan sistem pesanan multimedia (MMS). Pertumbuhan terus disokong oleh peningkatan aktiviti pelabuhan dan peningkatan secara beransur-ansur pengangkutan udara berikutan berakhirnya wabak SARS. Di samping itu, subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan kekal kukuh, mencerminkan peningkatan pinjaman bank dan aktiviti insurans yang kukuh serta aktiviti pasaran saham yang melonjak. Subsektor perkhidmatan Kerajaan terus berkembang berikutan pembayaran bonus kepada kakitangan awam pada bulan November, sementara pertambahan permintaan bagi bekalan elektrik daripada pengguna-pengguna komersial dan industri menyokong pertumbuhan dalam subsektor utiliti.

Dorongan yang berterusan daripada sektor komoditi utama

Pertumbuhan sektor pertanian terus berkembang sebanyak 2.2% pada suku keempat 2003, hasil daripada peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah dan getah. Pengeluaran yang lebih tinggi dalam sektor minyak sawit didorong oleh pertambahan kawasan matang dan keadaan cuaca yang baik, manakala pengeluaran getah daripada sektor pekebun kecil kekal kukuh, disokong oleh harga yang lebih tinggi sepanjang suku tersebut. Sementara itu, sektor perlombongan turut mencatat prestasi yang lebih teguh, berikutan pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi.

Pengeluaran minyak sawit mentah terus mengembang sebanyak 5.4% berikutan hasil

Prestasi Sektor Pertanian

	2002		2003		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	% perubahan tahunan				
Nilai ditambah (pada harga 1987)	**5.5**	**3.0**	**6.1**	**2.2**	**5.5**
Pengeluaran 1/ Antaranya:					
Minyak sawit mentah	1.6	0.9	15.2	5.4	12.1
Minyak isirung sawit mentah	0.9	-3.9	20.6	3.4	11.5
Getah	17.8	7.7	17.4	18.8	18.4
Kayu balak	22.8	9.1	-2.2	-6.8	3.5
Koko	35.2	-17.4	-56.5	-42.2	-24.0

1 Dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Prestasi Sektor Perlombongan

	2002		2003		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	% perubahan tahunan				
Nilai ditambah (pada harga 1987)	7.1	3.7	1.1	3.0	4.8
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	7.4	4.9	2.2	5.8	5.4
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	9.3	2.9	-1.1	-2.2	5.2

keluaran bulanan melebihi satu juta tan sepanjang suku keempat. Meskipun hasil keluaran buah sawit berkurangan akibat faktor bermusim (4.74 tan tandan buah segar bagi setiap hektar kawasan matang, S3 2003: 5.49 tan), pengeluaran minyak sawit mentah pada suku keempat meningkat disebabkan oleh pertambahan kawasan matang. Sementara itu, pengeluaran getah terus meningkat dengan kukuh disebabkan oleh aktiviti penorehan yang intensif terutamanya di kalangan pekebun kecil memandangkan harga getah kekal pada paras yang tinggi, iaitu 486 sen sekilogram pada suku tersebut (peningkatan tahunan sebanyak 55%). Dalam sektor perlombongan, pengeluaran minyak mentah termasuk kondensat meningkat sebanyak 5.8% untuk mencatat pengeluaran suku tahunan tertinggi pada paras 758,700 tong sehari. Sebaliknya, pengeluaran gas asli merosot ekoran penutupan sementara beberapa medan gas untuk tujuan penyelengaraan pada suku tersebut.

Pertumbuhan sektor pembinaan kekal mapan

Pertumbuhan sektor pembinaan kekal mapan pada kadar 2.7% disokong oleh aktiviti pembinaan subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Aktiviti subsektor kediaman, disokong oleh projek perumahan yang baru dimulakan dan projek perumahan yang sedang dijalankan daripada pelancaran sebelum ini. Insentif yang ditawarkan dalam Pakej Ekonomi, kadar faedah yang rendah

Penunjuk Pembinaan

	2002		2003		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	% perubahan tahunan				
Permit jualan dan iklan baru	-11.4	11.8	14.9	21.5	-2.7
Kelulusan perumahan	-32.3	-12.4	19.3	26.7	3.3
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	2.8	3.8	11.2	11.1	10.3
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	69.6	32.0	16.6	15.9	-5.0
Import bahan pembinaan dan bahan galian	8.7	10.7	-23.2	15.4*	-8.8**

* *Okt.-Nov. '03*
** *Jan.-Nov. '03*

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jabatan Perangkaan Malaysia

dan pakej pembiayaan yang menarik menyokong permintaan untuk perumahan. Dalam sektor kejuruteraan awam, jumlah yang lebih tinggi diperuntukkan oleh Kerajaan ke atas aktiviti pembinaan.

Pertumbuhan dalam negeri kukuh disokong oleh peningkatan aktiviti sektor swasta

Dari segi permintaan, pertumbuhan permintaan dalam negeri didorong oleh sektor

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2002		2003			
	S3	S4	S1	S2	S3	S4
	Perubahan tahunan (%)					
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	6.1	6.6	5.9	3.0	3.4	6.7
Penggunaan	7.8	5.1	6.9	4.3	3.5	8.0
Sektor swasta	*4.2*	*4.6*	*4.3*	*3.4*	*5.4*	*6.9*
Sektor awam	*19.2*	*6.5*	*18.9*	*7.2*	*-1.7*	*11.1*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	2.8	10.0	3.8	0.4	3.2	3.6
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	11.2	10.9	5.5	4.4	4.4	10.9
Import Barangan dan Perkhidmatan	15.6	8.7	2.8	-0.5	1.5	15.9
KDNK	**5.8**	**5.4**	**4.6**	**4.5**	**5.2**	**6.4**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang Mapan



swasta, dengan pertumbuhan penggunaan isi rumah menjadi semakin kukuh. Perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi disokong oleh keyakinan pengguna yang bertambah baik, peningkatan pendapatan boleh guna, harga komoditi yang lebih tinggi, kadar faedah yang rendah, peningkatan akses kepada pembiayaan dan kesan kekayaan yang positif hasil daripada harga ekuiti yang lebih tinggi. Prestasi pertumbuhan luar negeri yang lebih kukuh juga meningkatkan keyakinan peniaga pada suku keempat. Buat kali pertama semenjak bulan Ogos 2002, penjualan kereta penumpang meningkat semula pada bulan Disember, mencerminkan sebahagiannya permintaan yang

Keyakinan pengguna dan perniagaan bertambah kukuh



terpendam. Kecenderungan mengguna yang lebih tinggi juga disokong oleh pembayaran bonus tahunan pada penghujung tahun berikutan keadaan prospek guna tenaga yang lebih menggalakkan, musim perayaan serta perolehan eksport yang lebih tinggi. Kesannya, penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 6.9% pada suku keempat. Penggunaan awam juga lebih tinggi sebanyak 11.1% disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Perkembangan penting pada suku keempat adalah pertumbuhan pelaburan yang lebih kukuh dengan pembentukan modal tetap kasar meningkat 3.6%. Pelaburan swasta ke atas jentera dan kelengkapan terus kukuh dengan peningkatan sentimen perniagaan dan penggunaan kapasiti yang kekal tinggi, terutamanya untuk industri pembuatan yang berorentasikan eksport dalam sektor perkilangan. Sementara itu, walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan lebih rendah berbanding suku keempat 2002, ia kekal tinggi pada suku keempat 2003 disebabkan oleh perbelanjaan yang tinggi untuk pengangkutan dan kemudahan kesihatan. Walau bagaimanapun, defisit fiskal mengecil pada suku keempat.

Semakan ke atas data perdagangan (berikutan pertukaran kepada Sistem Pertukaran Data Elektronik) menunjukkan sumbangan sektor eksport kepada pengembangan keluaran yang kukuh serta peningkatan keseluruhan sentimen. Memandangkan data perdagangan sedang dikaji semula, semakan statistik seterusnya ke atas komponen permintaan adalah dijangkakan. Selanjutnya, komponen permintaan dalam akaun negara terutamanya butir-butir "perubahan dalam stok" dan "eksport bersih" akan diselaraskan

apabila semakan kepada data perdagangan muktamad.

Inflasi kekal rendah

Sementara pertumbuhan adalah lebih pesat, inflasi (seperti yang diukur oleh indeks harga pengguna (IHP)), kekal rendah sebanyak 1.2% (1.0% pada S3 2003). Kenaikan harga yang lebih tinggi untuk barangan makanan terpilih adalah disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih kukuh pada musim perayaan. Harga keluaran minuman dan tembakau yang lebih tinggi mencerminkan pengenaan duti import dan eksais yang lebih tinggi dalam Bajet 2004. Tekanan harga bagi barangan lain kekal rendah.

Sumbangan kepada Inflasi



Keadaan Pasaran Pekerja

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik disokong oleh pertumbuhan dalam produktiviti. Dalam sektor perkilangan, produktiviti pekerja pada suku keempat, seperti yang diukur melalui nilai jualan benar produk bagi setiap pekerja, meningkat sebanyak 9.7%, melebihi peningkatan sebanyak 2.9% dalam upah benar bagi setiap pekerja. Pemberhentian

Keadaan Pasaran Buruh Stabil



pekerja pada suku keempat 2003 adalah lebih rendah (3,757 orang; S3 2003: 5,328 orang).

Lebihan perdagangan lebih besar pada suku keempat

Dalam sektor luar negeri, data yang dipinda menunjukkan lebihan perdagangan pada suku keempat adalah lebih besar sebanyak RM19.8 bilion (S3 2003: RM19.4 bilion). Eksport kasar berkembang dengan kukuh sebanyak 14.9% sementara import meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 16% (S3 2003: masing-masing 7.9% dan 1.9%). Pengembangan eksport kasar adalah disebabkan oleh peningkatan eksport barangan perkilangan yang ketara serta pertumbuhan eksport komoditi utama yang terus

Akaun Perdagangan

	2002		2003					
	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan dalam %							
Eksport kasar	14.3	14.0	7.0	12.3	11.1	7.9	14.9	11.5
Import kasar	19.6	9.7	8.3	4.0	-2.0	1.9	16.0	4.9
Imbangan Perdagangan (RM bil)	13.5	17.9	54.3	20.2	21.2	19.4	19.8	80.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kukuh. Dalam sektor perkilangan, eksport yang lebih tinggi adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam kitaran elektronik. Eksport pertanian dan galian kekal kukuh, disokong oleh harga dan jumlah eksport minyak sawit, gas asli cecair (LNG) serta minyak mentah yang tinggi.

Peningkatan import yang ketara menggambarkan perkembangan kukuh dalam kesemua kategori barangan import. Selaras dengan pertumbuhan eksport elektronik, import barangan pengantara yang merupakan input barangan perkilangan mencatat pertumbuhan yang kukuh. Import barangan penggunaan berkembang disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi pada musim perayaan dan ini terus diperkukuh oleh sentimen pengguna yang secara umumnya bertambah baik. Import barangan modal meningkat pada kadar yang pesat, mencerminkan pengukuhan berterusan keyakinan pelabur.

Peningkatan ketibaan pelancong kekal

Ketibaan pelancong meningkat dengan ketara kepada 3.5 juta pada suku keempat 2003 daripada 2.5 juta pada suku ketiga, terutamanya dari Singapura, China dan Indonesia. Ketibaan jumlah pelancong yang lebih tinggi juga disebabkan oleh pelancaran penerbangan terus dari London ke Pulau Pinang dan Langkawi. Manakala, promosi pelancongan dijalankan di pasaran baru seperti Iran. Acara utama seperti Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) serta Kemuncak Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) juga merupakan faktor penyumbang kepada peningkatan ini. Pada keseluruhan tahun 2003, ketibaan pelancong mencapai 10.6 juta orang.

Ketibaan Pelancong Bulanan



Aliran masuk dana pelaburan yang lebih tinggi

Berdasarkan asas tunai, aliran masuk kasar pelaburan jangka panjang (FDI) adalah lebih tinggi pada suku keempat (RM5.1 bilion; S3 2003: RM4 bilion). Aliran masuk bagi pelaburan ekuiti meningkat berganda dan mencakupi lebih daripada separuh aliran pelaburan langsung asing. Sebahagian besar daripada aliran masuk pelaburan langsung asing disalurkan ke sektor perkilangan, terutamanya elektrikal dan elektronik dan aktiviti berkaitan petroleum serta sektor minyak dan gas. Sub-sektor perkhidmatan yang menerima pelaburan langsung asing yang ketara adalah perkhidmatan pembiayaan, insurans dan perniagaan serta perdagangan borong dan runcit. Setelah mengambil kira aliran keluar disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman oleh syarikat yang berkaitan, pelaburan langsung asing mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM2.1 bilion (S3 2003: RM1.2 bilion).

Aliran keluar kasar pelaburan luar negara menyederhana (RM2 bilion; S3 2003: RM2.4 bilion), mencerminkan pemberian pinjaman yang lebih rendah daripada syarikat induk di Malaysia kepada syarikat bersekutu di luar negara. Lebih kurang satu pertiga daripada pelaburan ini adalah daripada syarikat dalam sektor perkilangan, terutamanya

dalam industri elektrikal dan elektronik di Negeri Thai, Hong Kong dan Amerika Syarikat. Pelaburan oleh syarikat dalam sektor minyak dan gas terus kekal, sementara sebahagian besar daripada pelaburan oleh syarikat dalam sub-sektor perkhidmatan pembiayaan, insurans dan perniagaan disalurkan ke Singapura dan Indonesia. Sesudah mengambil kira aliran masuk pembayaran balik pinjaman antara syarikat dari luar negara, pelaburan luar negara mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM1.1 bilion pada suku keempat (S3 2003: -RM1.6 bilion).

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih suku tahunan yang tertinggi sejak suku ketiga 1994 berjumlah sebanyak RM6.8 bilion (S3 2003: RM3.6 bilion). Sentimen pelabur bertambah baik dalam pasaran tempatan terutamanya ekoran laporan keuntungan korporat yang kukuh serta peningkatan penarafan berdaulat Malaysia pada bulan Oktober.

Hutang luar negeri berkurangan

Hutang luar negeri Malaysia berkurangan kepada RM187.2 bilion atau AS$49.3 bilion,

Hutang Luar Negeri



1/ Tidak termasuk mata wang dan deposit dalam institusi-institusi perbankan yang dimiliki oleh bukan pemastautin

Hutang Luar Negeri yang belum dijelaskan

	2002	2003	
	S4	S3	S4
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana & panjang	153.6	157.6	152.8
Sektor awam	100.6	101.5	96.8
Sektor swasta	53.0	56.2	55.9
Hutang jangka pendek [1]	32.1	36.1	34.5
Jumlah hutang luar negeri	185.6	193.7	187.2
- bersamaan AS$ bilion	48.9	51.0	49.3

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

bersamaan dengan 52.1% daripada KNK pada akhir tahun 2003. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** mencatat pembayaran balik bersih yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM6.4 bilion pada suku keempat. Kebanyakan pembayaran balik dibayar oleh sektor awam, terutamanya oleh Kerajaan Persekutuan. Pembayaran balik yang besar, termasuk penyelesaian satu pinjaman berjangka berjumlah RM2.6 bilion dan prabayaran beberapa pinjaman. Kerajaan Persekutuan tidak membuat sebarang pinjaman baru dan ini mencerminkan komitmen pihak berkuasa ke atas dasar pengurusan hutang luar negeri yang berhemat. Hasilnya, bahagian hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan daripada jumlah hutang luar negeri berkurangan kepada 19.9% (S3 2003: 20.7%). Perusahaan awam bukan kewangan (PABK) terus mencatat pembayaran balik bersih yang lebih tinggi pada suku keempat, mencerminkan terutamanya penebusan satu bon yen dan beberapa prabayaran pinjaman luar negeri. Di samping itu, sektor swasta mencatat pembayaran balik bersih disebabkan terutamanya oleh pengambilan pinjaman yang lebih rendah, sementara pembayaran balik adalah dikekalkan. Sesudah mengambil kira kerugian penilaian semula pertukaran asing berikutan peningkatan nilai yen dan euro, hutang luar negeri jangka

sederhana dan panjang berkurangan sebanyak 3.1% kepada RM152.8 bilion atau AS$40.2 bilion (S3 2003: RM157.6 bilion).

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** lebih rendah iaitu sebanyak RM34.5 bilion atau AS$9.1 bilion (S3 2003: RM36.1 bilion) disebabkan terutamanya oleh pengurangan pinjaman asing antara bank. Ini berikutan deposit mata wang asing bank-bank perdagangan yang lebih tinggi pada suku keempat. Pada akhir tahun 2003, hutang jangka pendek hanya mencakupi 18.4% daripada jumlah hutang luar negeri, dan kira-kira 20.2% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia terus meningkat pada suku keempat 2003. Rizab meningkat sebanyak RM15.8 bilion atau AS$4.2 bilion sejak akhir bulan September kepada RM170.6 bilion atau AS$44.9 bilion pada 31 Disember 2003. Peningkatan rizab pada suku keempat 2003 disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan, pelaburan langsung asing yang lebih tinggi dan aliran masuk dana portfolio yang lebih besar, sejajar dengan aktiviti ekonomi yang lebih pesat serta sentimen pelabur yang bertambah baik. Paras rizab pada akhir bulan Disember turut mengambil kira pelarasan suku tahunan yang menghasilkan keuntungan penilaian semula pertukaran asing yang berjumlah AS$1.8 bilion, disebabkan terutamanya oleh peningkatan mata wang utama berbanding dolar AS pada suku keempat.

Rizab antarabangsa terus meningkat kepada RM183.9 bilion atau US$48.4 bilion pada 14 Februari 2004, mencerminkan terutamanya pemulangan balik perolehan eksport yang lebih besar. Terdapat juga aliran masuk dana portfolio. Paras rizab semasa adalah cukup untuk membiayai selama 7.6 bulan import tertangguh dan 5.4 kali hutang luar negari jangka pendek.

Defisit fiskal lebih rendah

Pada suku keempat, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit yang lebih rendah sebanyak RM2.4 bilion. Kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan yang lebih baik mencerminkan hasil yang lebih tinggi. Prestasi hasil yang lebih kukuh

Rizab Antarabangsa bersih (pada akhir tempoh)



Kewangan Kerajaan Persekutuan a/



a/ Awalan

pada suku tersebut adalah disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih tinggi. Perbelanjaan pembangunan kekal tinggi disebabkan oleh perlaksanaan projek secara berperingkat yang sedang berjalan. Defisit tersebut dibiayai terutamanya melalui sumber dalam negeri bukan inflasi dalam bentuk Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM). Jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan kekal pada paras berhemat (48.2% daripada KDNK) pada akhir tahun 2003. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan dibendung pada paras 19.9% daripada hutang luar negeri Malaysia. Data awalan bagi tahun 2003 menunjukkan defisit sebanyak 5.4% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2002		2003		
	S4	Jan.-Dis.	S3	S4	Jan.-Dis.
	RM bilion				
Hasil	27.3	83.5	23.3	34.4	92.6
% perubahan tahunan	*6.3*	*5.0*	*19.9*	*25.8*	*10.9*
Perbelanjaan mengurus	22.5	68.7	19.4	22.8	75.2
% perubahan tahunan	*-9.0*	*7.8*	*22.9*	*1.2*	*9.5*
Akaun Semasa	***4.8***	***14.8***	***3.9***	***11.6***	***17.4***
% daripada KDNK	***5.0***	***4.1***	***3.9***	***11.2***	***4.4***
Perbelanjaan pembangunan kasar	15.2	36.0	8.1	14.3	39.4
% perubahan tahunan	*-10.3*	*2.1*	*-8.5*	*-5.5*	*9.4*
Terimaan balik pinjaman	0.5	0.9	0.3	0.4	0.8
Imbangan keseluruhan	***-9.8***	***-20.3***	***-4.0***	***-2.4***	***-21.1***
% daripada KDNK	***-10.2***	***-5.6***	***-4.0***	***-2.3***	***-5.4***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	***37.7***	***104.7***	***27.5***	***37.1***	***114.6***
% perubahan tahunan	*-9.5*	*5.7*	*11.6*	*-1.5*	*9.5*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	165.0	165.0	188.6	188.8	188.8
% daripada KDNK	45.7	45.7	48.1	48.2	48.2
Dalam negeri	*128.7*	*128.7*	*148.4*	*151.5*	*151.5*
Luar negeri	*36.3*	*36.3*	*40.2*	*37.3*	*37.3*

[a] Awalan

Keadaan kewangan menyokong aktiviti ekonomi yang lebih kukuh

Bagi memastikan pengembangan ekonomi dalam negeri yang kukuh, dasar monetari yang akomodatif dikekalkan pada suku keempat tahun 2003. Berdasarkan tekanan harga yang tidak membebankan, pengekalan kadar faedah yang rendah di samping mudah tunai yang mencukupi menghasilkan jumlah pembiayaan kepada sektor swasta meningkat dengan lebih kukuh. Pada suku keempat, pembiayaan aktiviti ekonomi melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat dengan ketara.

Aktiviti pembiayaan lebih tinggi pada suku keempat

Pada suku keempat, persekitaran luar negeri yang positif yang diperkukuh oleh

Kadar Faedah

	2002	2003	
	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar campurtangan 3-bulan	5.0	4.5	4.5
Kadar antara bank			
Semalaman	2.71	2.75	2.72
1 bulan	2.99	2.99	2.99
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.39	6.00	6.00
Syarikat kewangan	7.45	6.90	6.90
Kadar purata pinjaman (ALR)			
Bank perdagangan	6.50	6.17	6.11
Syarikat kewangan	9.75	9.16	9.11
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.20	3.00	3.00
12 bulan	4.00	3.70	3.70
Syarikat kewangan			
3 bulan	3.20	3.00	3.00
12 bulan	4.00	3.68	3.68

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Faedah Jangka Panjang



Pembiayaan sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal

	Pada tempoh (RM b)					Pertumbuhan tahunan		
	2002		2003			2003		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Jumlah pembiayaan kasar	**118.5**	**451.5**	**124.3**	**133.7**	**492.2**	**13.7**	**12.8**	**9.0**
Pengeluaran pinjaman[1]	105.7	411.6	115.9	120.9	441.7	14.6	14.3	7.3
PDS kasar[2]	10.6	26.7	6.4	8.3	42.8	2.6	-22.3	60.5
Ekuiti	2.1	13.3	2.0	4.6	7.8	4.8	116.5	-41.5
						(Pada akhir tempoh, %)		
Jumlah bersih pembiayaan (A)+(B)	**4.6**	**6.1**	**13.0**	**6.5**	**50.3**	**8.8**	**9.0**	**9.0**
Sistem perbankan	5.0	21.5	9.6	4.7	28.3	6.0	5.9	5.9
Baki pinjaman (A)	2.7	19.8	8.6	1.5	21.8	5.1	4.8	4.8
Pegangan PDS	2.3	1.7	0.9	3.1	6.5	22.4	23.4	23.5
PDS terkumpul (B)	1.8	-13.7	4.3	5.0	28.5	24.9	27.4	27.4

1 Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.

2 PDS tidak termasuk bon Cagamas memandangkan pembiayaan oleh Cagamas termasuk dalam pinjaman sistem perbankan.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



peningkatan permintaan dalam negeri menyebabkan permintaan pembiayaan oleh sektor swasta meningkat dengan lebih tinggi. Pembiayaan kasar melalui sistem perbankan serta pasaran ekuiti dan bon adalah lebih tinggi berbanding suku ketiga. Jumlah dana sebanyak RM133.7 bilion yang diperoleh adalah 7.6% lebih tinggi berbanding suku sebelumnya.

Aktiviti pinjaman bank yang terus kukuh dicerminkan oleh permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman. Kelulusan yang lebih tinggi pada beberapa suku sebelumnya menyebabkan pengeluaran pinjaman meningkat dengan kukuh (14.3%). Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan meningkat dengan lebih tinggi sebanyak RM84.4 bilion pada suku keempat (RM79.5 bilion pada S3 2003). Sebahagian besar daripada pengeluaran disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan serta sektor borong, runcit, hotel dan restoran, khususnya bagi tujuan pembiayaan modal kerja. Dalam persekitaran ekonomi yang bertambah baik, permohonan pinjaman oleh perniagaan menyederhana disebabkan syarikat-syarikat lebih bergantung pada dana sendiri berikutan aliran tunai yang lebih baik.

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh					Pertumbuhan tahunan				
	2002		2003			2002		2003		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion					(%)				
Jumlah										
Permohonan pinjaman	52.2	217.2	62.8	55.8	227.6	19.7	14.0	7.8	6.8	4.8
Kelulusan pinjaman	33.3	137.6	40.1	38.9	152.7	12.6	9.5	7.1	16.8	11.0
Pengeluaran pinjaman	105.7	411.6	115.9	120.9	441.7	10.6	10.2	14.6	14.3	7.3
Bayaran balik pinjaman	104.7	402.7	109.9	123.0	430.5	6.7	10.2	8.7	17.5	6.9
Perubahan baki pinjaman 1/	2.7	19.8	8.6	1.5	21.8	4.6	4.6	5.1	4.8	4.8
Di antaranya:										
Perusahaan perniagaan										
Permohonan pinjaman	31.5	135.3	34.0	28.6	124.9	t.d.	t.d.	-4.2	-9.4	-7.7
Kelulusan pinjaman	16.6	68.5	20.3	18.8	77.2	21.6	7.9	7.0	13.9	12.7
Pengeluaran pinjaman	72.6	282.0	79.5	84.4	303.4	8.5	4.3	17.0	16.2	7.6
Bayaran balik pinjaman	71.2	275.8	77.0	86.9	299.6	-2.9	-0.4	10.4	22.2	8.6
Perubahan baki pinjaman 1/	-1.8	-3.1	0.4	-4.8	-5.1	-1.4	-1.4	-1.0	-2.3	-2.3
PKS										
Permohonan pinjaman	t.d.	t.d.	12.1	9.8	44.5	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
Kelulusan pinjaman	t.d.	t.d.	6.4	6.6	25.7	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
Pengeluaran pinjaman	t.d.	t.d.	21.9	24.9	87.1	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
Perubahan baki pinjaman 1/	0.4	...	1.5	2.4	7.4	...	...	7.3	10.0	10.0
Lain-lain										
Permohonan pinjaman	t.d.	t.d.	21.9	18.8	80.4	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
Kelulusan pinjaman	t.d.	t.d.	13.9	12.2	51.5	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
Pengeluaran pinjaman	t.d.	t.d.	57.5	59.5	216.4	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
Perubahan baki pinjaman 1/	-2.2	-3.1	-1.1	-7.1	-12.5	-2.1	-2.1	-5.2	-8.7	-8.7
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	20.1	81.9	28.1	25.5	98.5	t.d.	t.d.	25.2	26.8	20.2
Kelulusan pinjaman	16.5	66.9	19.2	18.7	72.0	9.5	13.0	8.3	13.3	7.6
Pengeluaran pinjaman	27.0	105.1	30.6	30.4	114.5	11.1	20.8	14.1	12.5	8.9
Bayaran balik pinjaman	21.8	83.7	23.8	26.3	94.1	15.3	17.0	13.5	20.6	12.4
Perubahan baki pinjaman 1/	5.7	26.2	7.9	7.4	26.2	14.7	14.7	12.3	12.8	12.8

1/ Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Baki pinjaman
	Pada suku					Bhgn. drpd. jumlah	Bhgn. drpd. jumlah
	2002		2003				
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	
	RM bilion					%	
Perusahaan perniagaan	72.6	282.0	79.5	84.4	303.4	69.8	45.1
Syarikat besar	*n.a.*	*232.5*	*57.6*	*59.5*	*216.3*	*49.2*	*27.8*
PKS	*n.a.*	*49.5*	*21.9*	*24.9*	*87.1*	*20.6*	*17.3*
Isi rumah	27.0	105.1	30.6	30.4	114.5	25.1	48.8
Mengikut sektor							
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	2.7	9.3	3.1	3.0	11.1	2.5	2.2
Perlombongan dan kuari	0.4	1.5	0.7	0.5	1.7	0.4	0.2
Perkilangan	26.6	105.3	27.9	28.5	110.4	23.6	12.9
Sektor harta benda yang luas	18.1	75.8	21.1	21.6	78.9	17.9	39.8
Pembinaan	*7.0*	*30.1*	*7.3*	*7.2*	*27.5*	*6.0*	*6.2*
Pembelian rumah kediaman	*7.2*	*29.7*	*9.7*	*9.7*	*35.6*	*8.1*	*24.6*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	*2.1*	*8.8*	*2.6*	*2.7*	*9.7*	*2.3*	*6.1*
Harta tanah	*1.8*	*7.3*	*1.4*	*1.9*	*6.1*	*1.6*	*2.9*
Bekalan elektrik, gas dan air	2.3	6.9	2.0	1.0	6.0	0.9	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	17.2	64.6	17.1	19.3	70.1	16.0	8.3
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	2.3	10.8	4.3	2.4	12.0	2.0	2.3
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	6.9	23.7	9.7	14.7	36.7	12.1	6.2
Kredit penggunaan	17.9	69.3	18.9	18.9	72.4	15.7	18.8
di antaranya:							
Kad kredit	*7.4*	*25.4*	*7.9*	*8.5*	*30.5*	*7.0*	*2.6*
Pembelian kereta penumpang	*6.0*	*25.8*	*6.7*	*5.7*	*24.5*	*4.7*	*13.0*
Pembelian sekuriti	3.7	12.3	4.0	3.4	12.9	2.9	4.2
Pembelian kereta pengangkutan	0.3	2.4	0.2	0.3	1.2	0.2	0.7
Lain-lain	7.3	29.7	6.9	7.3	28.3	5.8	3.3
Jumlah	**105.7**	**411.6**	**115.9**	**120.9**	**441.7**	**100.0**	**100.0**

Sumber: Bank Negara Malaysia

Peningkatan yang mapan dalam berian pinjaman bank kepada PKS



Dalam sektor perniagaan, aktiviti pinjaman oleh sektor PKS terus meningkat dengan kukuh. Peningkatan yang lebih kukuh dalam pinjaman terkumpul sebanyak RM2.4 bilion pada suku ini (+RM1.5 bilion pada S3 2003) adalah didorong oleh sektor harta benda secara meluas serta sektor borong, runcit, restoran dan hotel. Pada akhir Disember 2003, pinjaman terkumpul PKS meningkat dengan kukuh pada kadar tahunan sebanyak 10%, paras tertinggi yang pernah dicatat semenjak Julai 2001. Kesannya, bahagian pinjaman PKS daripada jumlah pinjaman terkumpul meningkat kepada 17.3% dan bahagiannya daripada pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat sebanyak 38.3% (masing-masing 16.5% dan 34.1% pada akhir tahun 2002).

Inisiatif lain yang penting bagi membantu sektor PKS adalah berkaitan dengan penubuhan Dana Pemulihan bagi Perniagaan Kecil pada 1 November 2003, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM800 juta untuk menampung pembiayaan baru bagi proses resolusi hutang kecil. Berikutan penubuhan tabung baru ini, mekanisme penstrukturan dan pembiayaan sedia ada di bawah Tabung Pemulihan Perusahaan Kecil dan Sederhana serta Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan telah ditamatkan.

Bagi sektor isi rumah, permohonan pinjaman, kelulusan dan pengeluaran terus kukuh pada suku keempat. Permohonan pinjaman bagi pembelian harta kediaman dan kredit penggunaan kekal tinggi. Dari segi pengeluaran pinjaman, sebahagian besar dana telah disalurkan kepada pinjaman untuk perumahan (32% daripada jumlah pengeluaran kepada isi rumah), kad kredit (28%), pembelian kereta penumpang (19%), dan penggunaan persendirian (15%). Walau bagaimanapun, permohonan dan pengeluaran pinjaman untuk kereta adalah lebih rendah pada suku keempat berbanding suku ketiga disebabkan pengguna menangguhkan pembelian kereta sementara menunggu pengumuman yang akan dibuat tentang struktur tarif baru untuk kereta penumpang.

Dari segi pinjaman terkumpul, pinjaman sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.8% pada akhir Disember 2003 (5.1% pada akhir September), mencerminkan sebahagian besarnya bayaran balik hutang yang lebih tinggi oleh sektor perniagaan dan isi rumah berikutan kedudukan mudah tunai yang lebih baik dan pendapatan yang lebih tinggi.

Peningkatan lebih kukuh dalam agregat monetari

Sejajar dengan unjuran ekonomi yang lebih baik, arah aliran yang meningkat bagi kadar pertumbuhan agregat monetari semenjak suku kedua tahun 2003, terus meningkat pada suku keempat dengan M1, M2 dan M3 masing-masing meningkat kepada 14.6%, 11.1% dan 9.7% pada akhir Disember 2003 (masing-masing 11.9%, 10.3% dan 9.2% pada akhir September). Perbelanjaan penggunaan pada musim cuti hujung tahun dan sempena perayaan meningkatkan permintaan bermusim bagi mata wang dan deposit permintaan. Operasi luar negeri yang mengembang berikutan aliran masuk dana yang besar hasil daripada pemulangan pendapatan eksport dan aliran masuk pelaburan, di samping operasi Kerajaan yang mengembang merupakan penyumbang utama

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Penentu-penentu M3

	Perubahan pada tempoh				
	2002		2003		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	11.0	31.6	13.0	14.3	48.5
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	1.2	11.6	-5.6	8.4	12.9
Tuntutan ke atas sektor swasta	9.5	27.7	13.0	3.5	32.4
Operasi luar bersih[1]	-0.9	1.2	10.6	10.9	19.6
Pengaruh lain	1.2	-8.9	-5.1	-8.6	-16.4

[1] Sebelum penilaian semula.
Source: Bank Negara Malaysia

kenaikan dalam bekalan wang secara luas, M3, yang meningkat sebanyak RM14.3 bilion pada suku keempat (RM13 bilion pada S3 2003).

Dana yang lebih tinggi diperoleh daripada pasaran modal

Secara kasar, dana yang diperoleh daripada pasaran modal terus meningkat pada suku keempat. Sebahagian besar daripada peningkatan dana diperoleh melalui terbitan baru sekuriti hutang swasta (SHS) dan Tawaran Awam Awal (IPOs) serta pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) yang berjumlah RM18.6 bilion. Sesudah pelarasan untuk penebusan, dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal berjumlah RM682 juta pada sepanjang suku keempat.

Sepanjang suku keempat, sentimen pasaran yang bertambah baik serta langkah-langkah yang diperkenalkan untuk meningkatkan kecairan dan kecekapan modal menyebabkan lebih banyak syarikat mendapat sumber pembiayaan daripada pasaran ekuiti. Antara langkah baru yang diumumkan sepanjang suku keempat termasuklah pengurangan masa memproses Tawaran Awam Awal, pembelian saham semula dan perlaksanaan pemecahan saham yang lebih fleksibel serta

kelulusan untuk perniagaan milik rakyat Malaysia di luar negeri dan syarikat milik asing untuk disenaraikan di BSKL. Pada 29 Oktober, sebuah syarikat asing yang besar telah disenaraikan dan memperoleh RM2.03 bilion berikutan penyenaraian itu. Jumlah dana yang diperoleh meningkat berganda pada suku keempat kepada RM4.6 bilion daripada RM2 bilion pada suku ketiga. Sebahagian besar daripada pemerolehan dana adalah melalui Tawaran Awam Awal (RM3 bilion) dan penerbitan hak (RM1.3 bilion). Pada suku keempat, terdapat sebanyak 22 penyenaraian baru di BSKL, lima disenaraikan di Papan Utama, sepuluh di Papan Kedua, dan tujuh lagi di pasaran MESDAQ.

Secara kasar, terbitan baru PDS (tidak termasuk bon Cagamas) meningkat kepada RM8.3 bilion (RM6.4 bilion pada suku sebelumnya).

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2002		2003	
	S3	S4	S3	S4
	RM juta			
Oleh Sektor Awam				
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	3,677	6,000	12,632	2,768
Tolak Penebusan	1,000	2,000	6,800	-
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	2,677	4,000	5,832	2,768
Khazanah Bon, *bersih*	-	-	(183)	(210)
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	-	738	-	-
Bon Simpanan Malaysia, *bersih*	(3)	(2)	(2)	(2)
Dana bersih yang diperoleh	2,674	4,736	5,647	2,556
Oleh Sektor Swasta				
Saham	1,935	2,112	2,028	4,573
Sekuriti hutang	8,456	11,701	10,165	10,493
Sekuriti hutang swasta	*6,211*	*10,636*	*6,370*	*8,268*
Cagamas	*2,245*	*1,065*	*3,795*	*2,225*
Tolak Penebusan	3,458	10,271	4,482	16,940
Terbitan bersih	4,997	1,430	5,684	(6,447)
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	*5,077*	*685*	*3,744*	*(8,672)*
Dana bersih yang diperoleh	6,932	3,542	7,712	(1,874)
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	9,606	8,278	13,358	682
Kertas dan nota jangka-pendek, *bersih* [1/]	(543)	413	(85)	(884)
Jumlah	9,063	8,691	13,273	(202)

[1/] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

Terbitan PDS mengikut Tujuan Penggunaan (% daripada jumlah)



Terbitan yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh dua terbitan besar yang diterbitkan oleh syarikat dalam sektor utiliti dan sektor telekomunikasi. Dana yang diperoleh melalui pasaran PDS pada suku ini terutamanya adalah bagi tujuan penggabungan dan pengambilalihan (64.8% daripada jumlah terbitan) dan bagi tujuan pembiayaan semula (25.4%). Terbitan-terbitan baru terutamanya dalam bentuk bon biasa dan sekuriti hutang Islam. Pada suku ini, terdapat penebusan sepenuh bon Danamodal berjumlah RM11 bilion. Hasilnya, pasaran PDS mencatat kedudukan penebusan bersih.

Prestasi Indeks Komposit BSKL kukuh

Sentimen pasaran pada suku keempat bertambah baik berikutan prospek yang positif mengenai peningkatan pengembangan ekonomi global dan dalam negeri. IK BSKL telah melepasi angka 800 mata kepada 812.17 mata pada 31 Oktober, iaitu tahap tertinggi pada tahun 2003.

Pada suku keempat IK BSKL memperoleh 60.5 mata (+8.2% sejak akhir suku ketiga dan +23% sejak akhir 2002). Permodalan pasaran dan aktiviti dagangan harian purata sepanjang suku adalah juga lebih tinggi dengan masing-masing sebanyak

RM640.3 bilion dan 658.1 juta unit. Pada keseluruhan tahun 2003, IK BSKL mencatat pencapaian yang ketara dari segi harga dan aktiviti dagangan. Prospek ekonomi dalam negeri yang lebih baik dan langkah-langkah pasaran modal yang menggalakkan yang diperkenalkan oleh kerajaan, membantu mengembalikan sentimen pasaran pada pertengahan kedua tahun 2003.

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Suku Keempat 2003



BSKL: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2002		2003		
	S3	S4	S2	S3	S4
Indeks Harga					
- Komposit	638.01	646.32	691.96	733.45	793.94
- EMAS	155.39	157.25	170.23	182.03	195.57
- Papan Kedua	102.89	98.24	108.96	122.03	140.64
Purata Urus niaga harian					
- Jumlah (juta unit)	159.1	143.4	286.7	644.3	658.1
- Nilai (RM juta)	349.2	275.8	457.2	958.1	1,179.8
Permodalan Pasaran (RM b)	476.35	481.62	532.45	572.26	640.28
Bilangan Syarikat yang Disenaraikan	859	865	877	889	906

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

BSKL: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2002				2003					
	S3		S4		S2		S3		S4	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	10,501	23,045	8,890	17,098	17,775	28,349	41,877	62,274	40,144	71,970
di antaranya:										
Papan Utama	8,857	20,888	7,276	14,914	14,421	24,648	27,849	46,225	27,495	51,391
di antaranya:										
- Barangan Pengguna	327	1,504	255	1,095	509	1,959	857	2,768	944	3,086
- Barangan Perusahaan	738	1,447	575	1,213	1,429	2,105	3,911	5,406	3,735	5,369
- Pembinaan	745	1,516	869	1,199	1,181	1,796	2,088	3,967	2,177	5,415
- Perdagangan/Perkhidmatan	2,382	8,171	1,791	5,384	3,329	9,009	5,993	14,829	6,118	16,632
- Kewangan	1,370	4,386	1,244	3,335	1,908	4,422	3,497	8,471	3,468	9,065
- Harta benda	963	765	996	749	2,942	2,210	5,215	4,567	5,138	5,446
- Perladangan	234	1,016	178	737	307	1,129	675	1,815	638	1,981
- Perlombongan	45	106	38	72	53	92	42	67	36	102
Papan Kedua	1,462	2,079	1,523	2,162	2,685	3,377	8,069	12,103	10,100	18,229

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Dagangan sekunder dalam pasaran bon

Jumlah urus niaga dalam pasaran bon sekunder menurun kepada RM52.8 bilion pada suku keempat (RM97.4 bilion pada suku sebelumnya). Dalam keadaan dagangan yang lengang, kadar hasil SKM 5-tahun meningkat sebanyak 44 mata asas dan SKM 10-tahun meningkat sebanyak 64 mata asas pada dua bulan yang pertama pada suku keempat.

Prospek ekonomi global dan dalam negeri yang lebih baik mendorong pelabur mendesak kadar hasil yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kadar hasil stabil pada paras yang lebih rendah pada bulan Disember.

Arah Aliran Kadar Hasil SKM



Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga/Nilai Terkumpul



Kadar Pertukaran

Ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama, tetapi mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau pada suku keempat tahun 2003. Dolar menjadi lemah berikutan peralihan dana kepada mata wang lain berikutan pelebaran jurang kadar faedah yang menyebelahi ekonomi utama yang lain, dan tanggapan pasaran bahawa kadar faedah AS akan kekal rendah bagi tempoh masa yang agak lama. Sementara mata wang serantau secara amnya meraih manfaat daripada yen Jepun yang lebih kukuh, sebilangan mata wang serantau dipengaruhi secara negatif oleh perkembangan

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



dalam negeri. Secara keseluruhan, ringgit hanya mencatat penurunan nilai yang sedikit berbanding dolar Singapura dan baht Thai, tetapi menjadi semakin kukuh berbanding dolar Taiwan Baru, rupiah Indonesia, peso Filipina dan won Korea. Meskipun pergerakan kadar pertukaran mata wang utama tidak menentu, nilai ringgit yang berwajaran perdagangan tetap konsisten dengan asas-asas ekonomi negara.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir-Jun 1997	2 September 1998	Akhir-S3 2003	Akhir-S4 2003	% perubahan [1] Akhir-Jun 1997	% perubahan [1] 2 September 1998	% perubahan [1] Akhir-S3 2003
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	-33.6	0.0	0.0
Euro	-	-	4.4160	4.7783	-	-	-7.6
Paun sterling	4.1989	6.3708	6.3439	6.7678	-38.0	-5.9	-6.3
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.4205	3.5546	-37.9	-22.0	-3.8
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.1984	2.2342	-21.0	-1.5	-1.6
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.5048	9.5947	1.6	-2.3	-0.9
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.9179	6.8431	40.1	29.0	1.1
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0452	0.0449	131.4	-21.1	0.8
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3304	0.3180	-10.6	-11.1	3.9

[1] (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PERBANKAN

Kedudukan kewangan sistem perbankan secara keseluruhannya terus kukuh pada suku keempat. Tahap modal kekal tinggi manakala keuntungan terus meningkat. Walau bagaimanapun, pinjaman tidak berbayar berdasarkan klasifikasi 6-bulan meningkat sedikit kepada 6.9% daripada jumlah pinjaman bersih.

Tahap permodalan kekal tinggi dalam suasana peningkatan aktiviti pinjaman

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) bagi sistem perbankan tidak berubah, iaitu pada tahap 13.4% pada akhir Disember 2003. Pada suku keempat, aset berwajaran risiko berkembang sebanyak RM4.2 bilion (+0.8%) didorong terutamanya oleh aktiviti pinjaman yang lebih tinggi. Ini disokong oleh kenaikan dalam modal asas sebanyak RM0.4 bilion (+0.6%) yang disebabkan terutamanya oleh terbitan modal hutang subordinat oleh beberapa buah institusi perbankan.

Tahap Permodalan kekal tinggi

	2002	2003			
	Dis	Mac	Jun	Sep	Dis
Modal					
Nisbah Modal Teras (%)	11.1	11	11.1	10.9	10.7
RWCR (%)	13.2	13.2	13.7	13.4	13.4
Nisbah NPL bersih					
6 bulan	7.5	7	6.8	6.5	6.9
3 bulan	10.2	9.9	9.5	9.0	8.9

Keuntungan operasi kasar yang lebih tinggi dalam suasana pendapatan yang lebih berpelbagai

Keuntungan operasi kasar sistem perbankan meningkat RM0.2 bilion (+5.1%) kepada RM3.2 bilion pada suku ini ekoran pendapatan faedah yang lebih tinggi daripada portfolio dagangan dan pelaburan serta pendapatan berasaskan fi. Sejajar dengan kadar hasil bon yang lebih tinggi, pendapatan faedah daripada pemegangan sekuriti hutang mencatat kenaikan 11.6% dengan mencapai jumlah RM1.2 bilion, manakala pendapatan daripada aktiviti berasaskan fi meningkat kepada RM1.1 bilion (+17.8%). Pendapatan operasi kasar yang lebih tinggi telah mengatasi peningkatan dalam perbelanjaan operasi (+7.2%) pada suku ini. Peningkatan dalam perbelanjaan ini disebabkan terutamanya oleh pembayaran bonus akhir tahun dan kos pemasaran yang lebih tinggi, yang mencerminkan kempen pemasaran agresif yang berterusan oleh institusi perbankan. Didorong oleh persekitaran ekonomi yang lebih baik, peruntukan tambahan hutang lapuk dan ragu oleh institusi perbankan adalah lebih rendah sebanyak RM2.2 bilion, manakala jumlah pemulihan terus meningkat dengan kukuh kepada RM1.5 bilion pada suku ini.

Pinjaman tidak berbayar bagi sektor perniagaan bertambah baik

Pada suku keempat, pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3-

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



Sistem Perbankan

	NPL sebagai % daripada jumlah pinjaman kepada sektor				
	Dis-02	Mac-03	Jun-03	Sep-03	Dis-03
Perusahaan perniagaan	**18.1**	**17.4**	**16.3**	**15.9**	**16.1**
yang mana pinjaman kepada Industri Kecil dan Sederhana	**-**	***15.8***	***14.8***	***14.9***	***14.7***
Isi rumah	**8.6**	**8.6**	**8.5**	**8.2**	**8.1**
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	8.3	7.7	7.9	7.4	7.4
Perlombongan dan kuari	16.1	14.9	12.4	11.8	13.5
Perkilangan	20.8	18.6	17.4	17.6	16.4
Elektrik, gas dan air	6.2	6.9	6.2	6.0	28.5
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	11.9	12.3	11.7	12.1	11.9
Pembinaan	30.1	30.1	28.3	28.2	27.8
Pembelian harta bukan kediaman	18.0	17.1	17.2	16.9	16.7
Harta tanah	29.8	28.3	26.7	27.5	25.5
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	14.7	14.2	11.6	9.8	11.1
Perkhidmatan kewangan, insuran dan perniagaan	10.5	10.0	9.2	7.9	8.1
Perkhidmatan sosial, masyarakat dan persendirian	21.7	21.5	19.3	14.1	15.2
Pembelian sekuriti	20.6	20.3	19.5	18.4	19.3
Pembelian harta kediaman	8.7	8.9	8.9	8.8	8.7
Kredit penggunaan	9.8	9.9	10.1	9.7	9.6
yang mana: kad kredit	*4.1*	*4.6*	*4.7*	*4.4*	*4.7*
Pembelian kenderaan pengangkutan[1]	5.3	5.1	4.7	4.3	4.3
Lain-lain	**16.5**	**20.4**	**21.5**	**15.9**	**11.0**

[1] Termasuk kenderaan perdagangan

bulan menurun RM0.6 bilion kepada RM39.7 bilion, iaitu merangkumi 8.9% daripada jumlah pinjaman bersih. NPL bagi hampir kesemua sektor perniagaan bertambah baik.

Nisbah NPL kasar bagi perusahaan kecil dan sederhana terus menurun sepanjang tahun kepada 14.7% pada akhir suku keempat manakala nisbah NPL sektor isi rumah juga menurun sedikit, iaitu sebanyak 0.1 mata peratusan kepada 8.1% pada akhir Disember 2003.

Seminar Insurans Perubatan dan Kesihatan untuk Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful 14 Oktober 2003, Kuala Lumpur

Kata-kata Pembukaan oleh Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Aktar Aziz Gabenor Bank Negara Malaysia

Perniagaan insurans perubatan dan kesihatan memainkan peranan penting bagi melengkapi sistem penjagaan kesihatan kebangsaan. Ia semakin ketara berikutan semakin ramai anggota masyarakat beralih kepada industri insurans dan takaful untuk memperoleh perlindungan insurans bagi membiayai kos penjagaan kesihatan mereka. Perniagaan insurans perubatan dan kesihatan mencatat pertumbuhan yang pesat pada tempoh lima tahun yang lalu, dengan jumlah pendapatan premium meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 16% kepada hampir RM1 billion pada tahun 2002. Perniagaan insurans perubatan dan kesihatan pada masa ini merangkumi lebih daripada 5% jumlah pendapatan premium keseluruhan industri insurans.

Kita boleh menjangka lebih ramai penduduk Malaysia akan mengagihkan bahagian yang lebih besar daripada pendapatan mereka untuk penjagaan kesihatan. Walaupun usia penduduk Malaysia secara relatifnya masih rendah, perubahan demografik menunjukkan peningkatan bilangan golongan tua, selaras dengan pertambahan kualiti hidup dan kemajuan dalam sains perubatan serta kemudahan penjagaan kesihatan. Pada masa yang sama, perubahan dalam struktur kekeluargaan akan memberi tekanan pada individu untuk lebih bertanggungjawab mengenai penjagaan kesihatan masing-masing. Perkembangan ini adalah satu cabaran sosial yang penting pada sistem penjagaan kesihatan kebangsaan bagi memastikan penduduk Malaysia dapat menikmati kemudahan penjagaan kesihatan dengan cekap dan murah. Oleh itu, skim pembiayaan penjagaan kesihatan swasta menjadi semakin penting untuk melengkapi kemudahan penjagaan kesihatan yang disediakan oleh sektor awam.

Pembiayaan penjagaan kesihatan sektor awam meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Perbelanjaan penjagaan kesihatan Kerajaan dijangka mencecah RM9 billion menjelang 2004, daripada kira-kira RM2.8 billion pada tahun 1995. Pada tempoh yang sama, perbelanjaan penjagaan kesihatan daripada keseluruhan belanjawan kerajaan juga dijangka meningkat daripada 5% kepada 8%. Dengan nisbah pesara kepada jumlah warga negara yang bekerja dijangka meningkat sekali ganda menjelang tahun 2020, permintaan untuk penjagaan kesihatan dijangka turut bertambah, seterusnya memberi tekanan tambahan ke atas pembiayaan untuk penjagaan kesihatan, terutamanya oleh pihak swasta. Pada masa ini, hampir 40% daripada perbelanjaan penjagaan kesihatan dibiayai daripada sumber swasta. Perbelanjaan ini terutamanya adalah dalam bentuk perbelanjaan perubatan yang ditanggung

oleh orang ramai disamping bayaran yang dibuat oleh para majikan bagi membiayai kos perubatan pekerja masing-masing. Pada masa akan datang, sumber pembiayaan swasta, termasuk skim insurans perubatan dan kesihatan, dijangka memainkan peranan yang lebih penting dalam pembiayaan penjagaan kesihatan. Dalam proses ini, skim insurans perubatan dan kesihatan boleh menjadi bahagian penting dalam usaha mencapai sistem penjagaan kesihatan kebangsaan yang komprehensif dan teratur.

Walau bagaimanapun, peningkatan pesat permintaan untuk perlindungan insurans perubatan dan kesihatan mengenengahkan beberapa isu, termasuk peningkatan kos penjagaan kesihatan secara mendadak, yang memerlukan tindakan pembetulan segera. Pelbagai inisiatif diambil oleh pihak industri bagi menangani masalah peningkatan kos tersebut. Inisiatif tersebut termasuk perbincangan dengan pihak hospital swasta dan penubuhan panel hospital, serta perkongsian kos perubatan antara pemegang polisi dengan syarikat insurans. Langkah-langkah yang diambil oleh pihak industri insurans tersebut merupakan satu usaha penting bagi mewujudkan amalan perniagaan pembiayaan penjagaan kesihatan swasta yang berhemah. Memandangkan perlindungan insurans kesihatan mempunyai kesan secara langsung kepada orang ramai, langkah-langkah penyelesaian yang diambil perlu lebih menyeluruh dan berkekalan dengan mengambil kira pertimbangan faktor-faktor sosio-ekonomi secara keseluruhannya.

Pada masa yang sama, proses pembaharuan yang sedang dilaksanakan dalam perniagaan insurans perubatan dan kesihatan juga perlu menangani keperluan maklumat industri pengguna. Daripada perspektif industri, penubuhan satu pangkalan data yang komprehensif mengenai pelbagai aspek sektor insurans perubatan dan kesihatan di Malaysia boleh membantu kaedah pengunderaitan dan penilaian risiko yang lebih saintifik, di samping pengurusan risiko yang berkait dengan 'moral hazard', penipuan dan penyalahgunaan tuntutan dengan lebih baik. Pada masa sekarang, kekurangan data yang terperinci menghalang syarikat insurans daripada memenuhi perlindungan insurans perubatan walaupun terdapat permintaan untuk perlindungan insurans perubatan dan kesihatan daripada komuniti. Pangkalan data yang komprehensif bukan sahaja penting dalam penentuan harga yang berpatutan bagi produk insurans perubatan dan kesihatan, tetapi juga membolehkan syarikat insurans membuat analisis dan mengikuti perkembangan perniagaan mereka dengan lebih terperinci. Maklumat tersebut termasuk profil pemegang polisi serta kategori risiko masing-masing, keutamaan para pengguna, jenis penyakit dan rawatan perubatan yang menjadi penyumbang utama dalam peningkatan kos secara mendadak, serta maklumat-maklumat klinikal yang berkait dengan pihak hospital.

Satu lagi keperluan maklumat yang tidak kurang pentingnya adalah keperluan untuk memberi kefahaman dan penerangan kepada pengguna tentang penjualan produk dan perkhidmatan insurans perubatan dan kesihatan. Ini kerana bilangan aduan berkaitan insurans perubatan dan kesihatan merupakan 25% daripada keseluruhan aduan yang diterima oleh Bank Negara Malaysia. Selain daripada peningkatan kadar premium dan kelewatan menyelesaikan tuntutan insurans, aduan yang sering diterima adalah berkaitan dengan kekurangan ketelusan dalam pemasaran dan penjualan produk insurans perubatan dan kesihatan. Ini menampakkan kepentingan usaha memberi kefahaman dan penerangan kepada pengguna.

Terma dan syarat-syarat polisi insurans perubatan dan kesihatan yang dijual juga penting untuk dijelaskan kepada pemegang polisi, terutamanya yang berkaitan dengan kesan pengecualian polisi (policy exclusions), dan syarat-syarat yang dikenakan oleh syarikat insurans. Peningkatan ketelusan dalam penjualan polisi insurans perubatan dan kesihatan adalah satu perkara yang penting. Pada kebiasaannya, para pengguna tidak menyedari ciri-ciri penting polisi insurans atau kurang faham implikasi sesetengah terma kontrak polisi seperti "pre-existing conditions", "co-insurance" dan "waiting and survival periods". Penanggung insurans tidak boleh membuat tanggapan bahawa semua pengguna memahami dan berpengetahuan dalam insurans perubatan dan kesihatan. Syarikat insurans dan para pengantara masing-masing bertanggungjawab memastikan maklumat yang diberi kepada para pengguna adalah jelas supaya pengguna memahami hak dan tanggungjawab mereka dan bagi memastikan mereka boleh membuat pilihan dengan tepat dan penuh kesedaran apabila membeli perlindungan insurans perubatan dan kesihatan. Para pengguna juga perlu diberi penerangan tentang pelbagai kaedah dan saluran sekiranya terdapat pertikaian atau percanggahan pendapat berhubung dengan polisi masing-masing.

Bagi mempertingkatkan ketelusan dalam penjualan polisi insurans perubatan dan kesihatan, Bank Negara Malaysia memperkenalkan garis panduan khusus berhubung dengan piawaian minimum dalam pendedahan dan ketelusan penjualan polisi insurans perubatan dan kesihatan. Piawaian minimum ini memerlukan penanggung insurans dan pengantara masing-masing membekalkan maklumat penting berhubung insurans perubatan dan kesihatan kepada pengguna supaya mereka dapat memahami ciri-ciri utama perlindungan insurans yang dibeli, terutamanya yang berkaitan dengan kadar premium, faedah dan pengecualian faedah. Di samping itu, untuk memenuhi keperluan tersebut, syarikat insurans dan para pengantara perlu mengamalkan etika dan amalan kerja yang berhemah semasa berurusan dengan para pelanggan masing-masing. Oleh itu, penanggung insurans perlu terus berusaha meningkatkan tahap pendedahan dan ketelusan yang ditunjukkan dalam menjalankan perniagaan bagi menghalang kemerosotan keyakinan para pengguna terhadap industri ini secara keseluruhannya.

Cabaran yang dihadapi oleh perniagaan insurans perubatan dan kesihatan adalah besar, terutamanya implikasi sosial yang perlu dipertimbangkan apabila membuat keputusan dan merangka strategi perniagaan. Namun demikian, ia bukanlah satu cabaran yang tidak boleh diatasi. Walaupun pelbagai pendekatan yang menggalakkan inovasi dan perkembangan bagi menangani segala cabaran dialu-alukan, masa depan perniagaan insurans perubatan dan kesihatan sebenarnya bergantung pada usaha bersama bagi mewujudkan asas perniagaan yang berdasarkan etika sosial dan amalan yang berhemah. Seminar pada hari ini menyediakan pentas untuk penanggung insurans, secara individu mahupun kolektif, memperkembangkan gagasan dan cadangan baru, serta merancang strategi baru untuk menangani isu-isu yang dihadapi oleh perniagaan ini dengan lebih efektif, dan seterusnya mencapai pertumbuhan perniagaan yang kekal dan berdaya maju.

Forum Perniagaan Pertubuhan Negara-negara Islam sempena Persidangan Kemuncak Islam Sesi Ke-10, 16 Oktober 2003, Putrajaya

"Mengurus Kepelbagaian - Kemajuan Ekonomi, Keharmonian Kaum dan Toleransi Agama: Pengalaman Malaysia"

Kata Taklimat oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz,
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Kepelbagaian, tidak semestinya berpotensi mencetus konflik, malah ia boleh menjadi sumber kekuatan dan membuka peluang-peluang tertentu. Di dunia tempat tinggal kita ini pun mempunyai ciri-ciri kepelbagaian yang begitu ketara. Keupayaan kita mengurus kepelbagaian bagi kemanfaatan masyarakat dunia sejagat, sesungguhnya akan meningkatkan prospek kita dalam mengekalkan perkongsian kemakmuran global. Pengalaman Malaysia mengurus kepelbagaiannya sendiri memberi keutamaan pada dasar ekonomi dan kewangan yang menyokong pertumbuhan yang seimbang. Teras dasar kita adalah bagi mencapai keseimbangan antara pertumbuhan berkualiti tinggi dan pengagihan yang lebih adil hasil daripada kemajuan ekonomi; keseimbangan antara sumber pertumbuhan dalam dan luar negeri yang lebih meluas; keseimbangan antara peranan sektor awam dan swasta yang lebih besar; antara pertumbuhan penggunaan dan pertumbuhan yang di pacu oleh pelaburan; antara sektor-sektor ekonomi yang berlainan; dan antara komuniti di dalam masyarakat.

Strategi Ekonomi

Bagi mencapai pertumbuhan yang seimbang, dasar ekonomi Malaysia tertumpu kepada kepelbagaian ekonominya. Struktur ekonomi kita sudah melalui pelbagai transformasi sejak hampir lima dekad. Ekonomi Malaysia beralih daripada ekonomi berasaskan komoditi kepada ekonomi yang berasaskan perindustrian. Ekonomi Malaysia juga diperkukuhkan oleh penemuan petroleum dan pada masa ini, sektor perkhidmatan pula menjadi sumber pertumbuhan ekonomi yang penting.

Penekanan selama ini sememangnya tertumpu ke arah mengenal pasti bidang-bidang baru yang mempunyai kelebihan bersaingan dan membangunkan sumber-sumber pertumbuhan baru bagi pembangunan jangka panjang ekonomi Malaysia. Pada dekad sebelum ini, sememangnya tumpuan diberi kepada pembangunan Industri Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT). Bagi membangunkan sektor-sektor ekonomi tersebut, pendekatan yang seimbang diambil dengan tumpuan diberi kepada pembangunan Perusahaan Berskala Kecil dan Sederhana (IKS) bagi melengkapi pembangunan syarikat-syarikat besar serta Syarikat Multinasional yang beroperasi di Malaysia. Setiap komponen adalah elemen yang perlu dalam struktur industri, dengan IKS sebagai pembekal komponen dan kelengkapan kepada syarikat-syarikat besar, ataupun sebagai pembekal perkhidmatan sokongan

ataupun keluaran akhir dan perkhidmatan. Sebagai sebahagian daripada proses ini, perhatian yang lebih utama ditumpukan kepada pembangunan IKS memandangkan mereka bukan sahaja menjadi "inkubator" penting melahirkan pengusaha-pengusaha berbakat tetapi juga berperanan penting dalam penjanaan sumber pertumbuhan dan guna tenaga.

Sesungguhnya, sebagai ekonomi yang kecil dan terbuka dengan jumlah dagangan mencakupi lebih daripada 200% KNK, Kerajaan komited untuk menjadikan peranan sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan yang utama. Kerajaan pula sememangnya berperanan menggariskan hala tuju yang lebih luas bagi menjelaskan matlamat - wawasan adalah aspirasi kita - dan menyediakan persekitaran yang memudahkan usaha persendirian, serta melancarkan kitaran ekonomi bagi memastikan pertumbuhan dan pembangunan yang kukuh. Hala tuju dasar berjangka panjang dirangka dalam konteks Rangka Rancangan Jangka Panjang 20-tahun (termasuk "Wawasan 2020" bagi strategi Perindustrian Malaysia). Strategi dan langkah-langkah dasar yang khusus bagi mencapai objektif jangka panjang dirangka dalam Rancangan Pembangunan 5-tahun, sementara isu jangka pendek ditangani dalam program bajet tahunan. Peranan Kerajaan menyediakan persekitaran yang kondusif termasuk penyediaan infrastruktur fizikal, mendorong pembangunan institusi dan pembinaan kapasiti, meningkatkan sistem penyerahan Kerajaan bagi mengurangkan kos perniagaan serta menyediakan persekitaran makroekonomi yang stabil dan kukuh.

Sementara Kerajaan berperanan penting dalam menyediakan hala tuju strategik dan persekitaran yang kondusif, pembangunan ekonomi dalam negeri terletak terutamanya pada sektor swasta. Lebih dari lima dekad yang lalu, sektor swasta mencakupi hampir 70% daripada keluaran negara. Di samping itu, lebih daripada 90% tenaga pekerja bekerja dalam sektor swasta. Sebahagian besar daripada pembiayaan yang menyokong transformasi ekonomi Malaysia adalah daripada pelaburan swasta, termasuk aliran masuk pelaburan langsung asing. Peranan sektor swasta dijangka menjadi semakin penting bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan. Peranan mereka adalah untuk terus meneroka bidang-bidang baru yang mempunyai kelebihan berbanding dan bidang-bidang pasaran baru bagi menyokong penjanaan pendapatan dan kekayaan dalam persekitaran yang semakin mencabar dan berdaya saing.

Strategi Sektor Kewangan

Satu komponen utama strategi Kerajaan adalah membangunkan sistem kewangan yang berkesan, cekap dan berdaya tahan; bukan sahaja menyokong proses pertumbuhan tetapi juga membantu tranformasi ekonomi ke arah kepelbagaian struktur ekonomi, dan seterusnya mencapai pertumbuhan serta pembangunan yang mapan. Sektor kewangan dilihat sebagai pendorong penting pertumbuhan. Pembangunan sektor kewangan mengambil kira keperluan untuk mengimbangi antara objektif kestabilan kewangan dan kecekapan dengan agenda sosial. Strategi khusus bagi membantu pertumbuhan yang lebih seimbang adalah dengan membangunkan struktur kewangan yang lebih pelbagai, yang berupaya memenuhi keperluan-keperluan ekonomi yang berbeza dan memastikan akses kepada perkhidmatan kewangan meningkat bagi semua sektor ekonomi, rantau dan masyarakat.

Dalam hal ini, usaha-usaha harus ditumpukan kepada pembangunan infrastruktur

kewangan yang komprehensif dan pelbagai, termasuk kredit mikro bagi menyediakan perkhidmatan kewangan kepada perniagaan kecil pada satu pihak, dan modal bersama bagi menyediakan pembiayaan kepada ICT dan aktiviti-aktiviti berpandukan pengetahuan pada pihak yang lain. Komponen struktur kewangan yang penting termasuk sektor perbankan, syarikat insurans, pasaran modal dan pengkhususan dan pembangunan institusi kewangan yang menyediakan sumber pembiayaan alternatif. Perkembangan pasaran bon korporat secara khusus membolehkan firma meningkatkan kemampuan mereka mengurus risiko pembiayaan dengan lebih baik dan mengurangkan risiko akibat terlalu bergantung pada hanya satu bentuk atau sumber pembiayaan. Perkembangan pasaran bon korporat meningkatkan kecekapan pengagihan modal oleh firma yang berkeupayaan untuk mendapatkan sumber alternatif pembiayaan pada kos yang kompetitif, seterusnya menyumbang kepada peningkatan kecekapan, pelaburan yang lebih tinggi dan akhirnya kepada pertumbuhan keseluruhan.

Walau bagaimanapun, pada masa yang akan datang, sektor perbankan akan terus menjadi sumber utama pembiayaan di Malaysia. Tumpuan akan terus diberi kepada pembangunan institusi dan pembinaan kapasiti di sektor perbankan. Hal ini dikenal pasti sebagai objektif penting yang perlu dicapai pada peringkat pertama Pelan Induk Sektor Kewangan 10 tahun untuk membangunkan sektor kewangan iaitu bagi membangunkan bank-bank teras yang kukuh dan berpandang ke hadapan di Malaysia, yang mampu menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi. Peristiwa penting dalam pembangunan sektor kewangan adalah penggabungan perbankan dan program penggabungan. Ini diperkukuh oleh galakan kecekapan operasi yang lebih besar, pengukuhan pengurusan berisiko dan amalan urus tadbir korporat, penggunaan teknologi yang lebih pesat, peningkatan rangka kerja penyeliaan dan pengawalan dan pembangunan rangka kerja pendidikan pengguna dan perlindungan.

Sementara perbankan elektronik berkembang pesat dalam suasana sekarang ini, bidang yang diberi keutamaan adalah bagi memastikan sistem perbankan melaksanakan fungsinya sebagai pengantara ke seluruh negara dari segi kewujudan fizikal di kesemua bahagian di Malaysia. Pada beberapa dekad yang lalu, kita melihat penubuhan rangkaian bank yang kukuh dan menyeluruh di kawasan bandar dan luar bandar di seluruh negara. Dalam hal ini, jumlah cawangan bank di seluruh negara telah meningkat daripada 131 buah pada tahun 1960 kepada 1660 pada tahun 2003. Pada tempoh yang sama, jumlah pelanggan bagi setiap cawangan telah merosot dengan ketara daripada 62,800 kepada 15,060. Matlamat dasar ini adalah bagi meningkatkan akses perkhidmatan bank kepada kesemua sektor dan bahagian ekonomi. Seterusnya, isu yang perlu diambil kira ialah keperluan untuk mengimbangi usaha mewujudkan kecekapan yang tinggi dalam suasana persaingan yang semakin meningkat berbanding keperluan untuk menyediakan keperluan asas perkhidmatan kewangan kepada masyarakat keseluruhannya dengan kos yang minimum. Sementara harga bagi perkhidmatan dan produk kewangan seharusnya sentiasa mencerminkan kos, agenda sosial juga perlu diambil kira kerana ia merupakan bahagian penting bagi keseimbangan dan pertumbuhan yang mapan.

Seperti yang dibincangkan dalam sesi sebelum ini, bidang yang menjadi tumpuan Malaysia adalah pembangunan sistem kewangan Islam sebagai komponen yang berpotensi dalam sistem

kewangan kita. Pembangunan infrastruktur kewangan Islam yang komprehensif dengan komponen teras yang terdiri daripada pembankan Islam, takaful serta pasaran kewangan dan modal, sesungguhnya akan terus mengukuhkan sistem kewangan dan pilihan yang pelbagai bagi memenuhi kehendak pengguna dan peniaga Malaysia yang berbeza-beza.

Kerjasama Antarabangsa

Pendekatan Malaysia mengurus kepelbagaian juga diamalkan dalam hubungannya di arena antarabangsa. Malaysia telah berusaha dengan aktif bagi mengukuhkan perdagangan dan rantaian pelaburan dengan negara-negara membangun yang lain di seluruh dunia. Dasar tersebut berasaskan prinsip bahawa dengan bekerjasama, sesebuah negara boleh memaksimumkan keupayaan dari segi kelebihan berbanding bagi faedah semua pihak. Pengkhususan serta bergantungan yang semakin meningkat mendorong hukum kelebihan berbanding. Oleh sebab sesebuah negara mempunyai bidang yang tersendiri berasaskan kelebihan berbanding dalam rangkaian pengeluaran global, ini dapat membantu mengoptimumkan potensi pertumbuhan global yang menyeluruh. Kerjasama yang semakin kukuh di kalangan berbagai-bagai negara sudah tentu membuka peluang-peluang baru seumpama itu. Usaha-usaha ini membolehkan negara-negara OIC meningkatkan kerjasama dan integrasi. OIC mempunyai 57 negara ahli dengan keseluruhan penduduk berjumlah 1.25 bilion iaitu mencakupi 20% daripada keseluruhan penduduk dunia. Terdapat peluang yang begitu besar dari segi perdagangan dan pelaburan di kalangan negara OIC. Struktur ekonomi yang pelbagai di kalangan ahli OIC harus dilihat sebagai peluang untuk mengembangkan hubungan perdagangan dan pelaburan.

Kesimpulan

Pengalaman Malaysia mengurus kepelbagaian menunjukkan betapa perlunya membangunkan ekonomi yang mempunyai ketangkasan untuk berubah mengikut perubahan suasana ekonomi, memberi penekanan pada peningkatan kapasiti dan pembangunan institusi serta memberi tumpuan pada peranan Kerajaan dalam mewujudkan suasana yang kondusif. Ia juga memerlukan dasar ekonomi dan kewangan yang dapat mengimbangi antara keperluan pertumbuhan, kecekapan dan kesaksamaan. Strategi pertumbuhan seimbang dan menyeluruh yang mengambil kira agenda sosial adalah yang terbaik untuk kejayaan. Sesungguhnya, kepelbagaian boleh diurus dengan menjadikannya sumber kekuatan dan peluang yang berpotensi dalam mengejar kemakmuran yang boleh dinikmati bersama secara keseluruhan.

International Centre for Leadership in Finance (ICLIF)

Kata-kata Aluan Sempena Pelancaran Rasmi
28 Oktober 2003, Kuala Lumpur
oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor Bank Negara Malaysia

International Centre for Leadership in Finance (ICLIF) ditubuhkan dengan objektif menyediakan pendekatan yang lebih fokus dan tersusun bagi melahirkan kepimpinan bertaraf dunia dalam sektor perkhidmatan kewangan di Malaysia dan rantau ini.

Transformasi ekonomi dan kewangan yang luar biasa pada dekad ini menghasilkan suasana baru yang memerlukan skil kepemimpinan. Keperluan ini amat ketara dalam sektor perkhidmatan kewangan yang kini menjadi bertambah kompleks, lebih berdaya saing, semakin tidak jelas dan tidak menentu serta lebih mencabar.

Oleh itu, adalah penting mempunyai pemimpin yang dapat mengenal pasti kemunculan peluang-peluang baru, dapat berurusan dengan suasana yang penuh dengan ketidakpastian dan mampu mengawal hala tuju dalam suasana yang bergolak. Kini, tekanan pada pemimpin menjadi semakin hebat. Dalam ekonomi pasaran yang baru muncul dengan hasrat meningkatkan tahap prestasi dan pembangunan, tekanannya menjadi lebih hebat. Malahan, dalam suasana baru ini, peranan pucuk pimpinan telah berubah. Objektif penubuhan ICLIF adalah untuk menyumbang kepada proses pembangunan generasi pemimpin dalam sektor perkhidmatan kewangan. Ia bertujuan untuk mencapai objektif membangunkan sektor kewangan khususnya, dan prospek ekonomi keseluruhan amnya, sambil kita menuju ke arah suasana baru ini.

Hari ini, kita amat berbangga dengan kehadiran Yang Amat Berhormat (YAB) Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang sudi merasmikan ICLIF. Kehadiran YAB amat istimewa kerana kepemimpinan yang telah beliau tunjukkan dalam jangka masa lebih dua dekad dengan membawa Malaysia ke tahap pembangunan dan kemakmuran yang kita kecapi kini. Bakat kepimpinan beliau yang paling ketara adalah ketika beliau menangani krisis ekonomi yang melanda rantau ini pada tahun 1997-1999. Ia telah menjadi satu legasi. Dalam keadaan yang paling getir semasa krisis tersebut, keputusan yang sangat kritikal dibuat dengan penuh keyakinan bahawa menjadi hak dan tanggungjawab negara mempertahankan dirinya daripada kemelut yang teruk. Pada masa itu, kita berjaya mengelak daripada diletakkan di bawah program IMF kerana kita berupaya memenuhi dan membayar balik segala kewajipan luar negara yang ditanggung. Sejak berjaya keluar daripada kemelut itu, kita telah menjadi semakin kuat dan berada di landasan yang lebih kukuh dan stabil. Sesungguhnya, ini adalah jasa yang tidak mampu dibayar oleh negara pada YAB. Malaysia akan sentiasa menghargai segala jasa YAB terutamanya atas kepimpinan dan wawasan beliau.

Sektor kewangan di rantau ini telah mencapai tahap pembangunan yang baru. Peranannya yang berkembang dari setahun ke setahun membantu memudahkan pelbagai tahap pertumbuhan dan pembangunan. Perkhidmatan kewangan juga kini menjadi sumber pertumbuhan, lebih-lebih lagi, beberapa negara di rantau ini sedang bergerak ke arah ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan perkhidmatan. Dalam proses ini, perubahan dinamik yang berlaku juga telah digerakkan oleh kemajuan teknologi dan suasana persaingan yang semakin sengit.

Sementara penstrukturan semula dan pembaharuan sistem kewangan menuju ke tahap yang lebih ke hadapan, institusi kewangan juga sedang melakukan penyesuaian yang perlu untuk menjadi lebih produktif, inovatif, dan lebih fokus secara strategik. Usaha-usaha bukan sahaja tertumpu pada pembentukan sektor kewangan yang kukuh dan berdaya tahan, malahan ia menjurus kepada pembangunan institusi dan pembinaan kapasiti sektor kewangan bagi meningkatkan prestasi, kecekapan dan kecemerlangan yang lebih tinggi. Ini menjadi fasa penting dalam pembangunan sektor kewangan seperti yang tonjolkan dalam pelan perancangan sektor kewangan sepuluh tahun yang dilancarkan tiga tahun lalu. Ia merupakan pembangunan yang penting untuk mencapai persekitaran yang lebih harmoni dan liberal. Dalam konteks ini, kita membayangkan bahawa institusi kewangan akan menoleh ke hadapan dan mampu menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi kewangan sambil kita bergerak ke tahap pembangunan yang seterusnya.

Dalam konteks ini, pemimpin-pemimpin perlu berwawasan dengan melihat arah aliran masa depan yang tertumpu pada wawasan organisasi, untuk terus berdaya saing dan cepat menyesuaikan diri dengan perubahan. Pemimpin juga perlu prihatin kepada tanggungjawab sosial korporat supaya tumpuan pada keuntungan seimbang dengan matlamat kekukuhan jangka panjang. Apabila kita memperkatakan tentang kebolehan memajukan kepemimpinan, kita merujuk kepada pemimpin yang terus menerus mendalami ilmu, senantiasa cemerlang, pemimpin yang memiliki keyakinan dan kepercayaan yang kuat, mempunyai rasa rendah hati dan sedar akan keperluan untuk memajukan diri dan menjadi sumber inspirasi organisasi mereka bagi menyesuaikan diri dengan cabaran dan perubahan-perubahan baru. Hal ini penting sekiranya sektor perkhidmatan kewangan ingin maju dan sentiasa berada di hadapan dengan inovasi baru dan ia adalah elemen yang mesti ada bagi mengekalkan daya saing jangka panjang. Kita memerlukan tenaga penggerak yang hebat dalam kepemimpinan korporat untuk menggerakkan organisasi ke arah pertumbuhan dan kestabilan jangka panjang. Kita memerlukan pemimpin-pemimpin dinamik untuk membawa kita menuju ke era kecemerlangan - pemimpin yang sentiasa belajar dan memiliki keberanian untuk menghadapi cabaran-cabaran baru. Dalam proses ini, kaedah pembelajaran berterusan mestilah dikenal pasti.

Penubuhan ICLIF adalah sebahagian daripada komitmen kami ke arah menyediakan kaedah untuk memajukan kebolehan kepemimpinan dan melahirkan pemimpin-pemimpin yang bertaraf antarabangsa dalam sektor perkhidmatan kewangan. Bagi mencapai matlamat ini, ICLIF kini dalam proses membangunkan model kompetensi kepemimpinan yang unik yang akan menganalisis dan memahami syarat untuk menjadi pemimpin korporat yang berkebolehan dalam konteks serantau. Pada masa yang sama, ICLIF juga sedang mengadakan program pembangunan kepemimpinan global iaitu *Global Leadership Development*

Programme (GLDP) dengan kerjasama pakar runding terkemuka dan diselia oleh fakulti yang terdiri daripada institusi-institusi pendidikan terbaik di dunia. GLDP adalah program ulung yang dirangka dari segi program pendidikan eksekutif. ICLIF bukan sahaja berjaya menarik penyertaan 2 atau 3 institusi sahaja, malah dengan penyertaan lima institusi terkemuka, ICLIF berkeupayaan untuk menggabungkan idea dan pemikiran yang terbaik di dunia dalam pelbagai isu dan hal-hal berkaitan dengan aspek-aspek utama kepemimpinan. Peranan ICLIF tidak sama seperti fungsi institusi pengajian tinggi. Sebaliknya, ICLIF membantu dan menyediakan latihan yang fokus dan tepat berdasarkan keperluan industri kita.

ICLIF diuruskan oleh Lembaga Pengarah dan Panel Penasihat Antarabangsa, yang terdiri daripada personaliti yang tersohor. Sepanjang proses ini, peserta-peserta akan didedahkan dengan pemikiran terbaru dalam isu kepemimpinan yang terbaik di dunia. Dijangkakan juga ICLIF akan menjadi pelengkap dan penyokong kepada kemudahan kapasiti yang sedia ada dalam sektor kewangan dan korporat untuk menjadi pusat kecemerlangan serantau dalam latihan kepemimpinan kewangan. ICLIF berhasrat untuk memperkukuhkan pandangan bahawa pelaburan dalam modal manusia, termasuk keperluan kecemerlangan kepemimpinan merupakan proses yang berterusan dalam persekitaran yang sentiasa berubah-ubah. Ia juga berhasrat meningkatkan kredibiliti dan kaliber modal manusia dalam sektor kewangan dan korporat bagi menghadapi cabaran pada masa hadapan ketika kita bergerak maju dalam alaf ini.

Kalendar Peristiwa
Oktober 2003 - Februari 2004

2003

16 Oktober

Bank telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Export Credit Bank of Turkey bagi menggalakkan kerjasama dalam pembiayaan perdagangan dua hala dan aliran pelaburan, selain bantuan teknikal dan pembinaan kapasiti di bidang perbankan.

20 Oktober

Sebuah simposium antarabangsa mengenai Isu-isu Urus Niaga Tukaran Asing dan Penyelesaian Pembayaran telah diadakan di Kuala Lumpur sebagai sebahagian daripada program kerja oleh satu daripada enam Kumpulan Kerja Sukarela di bawah Inisiatif Pasaran Bon Asia. Kumpulan-kumpulan Kerja tersebut telah ditubuhkan untuk membangunkan pasaran bon serantau dari pelbagai segi. Malaysia mempengerusikan Kumpulan Kerja Sukarela bagi Isu-isu Urus Niaga Tukaran Asing dan Penyelesaian Pembayaran.

28 Oktober

Pusat Antarabangsa bagi Kepimpinan Kewangan (ICLIF) telah dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada masa itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pusat tersebut telah ditubuhkan bagi memberikan pendekatan yang tertumpu dan tersusun ke arah membangunkan pemimpin yang bertaraf dunia di sektor perkhidmatan kewangan di Malaysia dan di peringkat serantau.

30 Oktober

Bank Negara Malaysia telah mengadakan sesi dialog dengan industri insurans dan takaful untuk berbincang mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan termasuk prestasi industri insurans dan takaful. Mesyuarat tersebut juga dimaklumkan mengenai kemajuan pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan dan langkah-langkah pengawalseliaan terbaru.

1 November

Akta Sistem Pembayaran 2003 telah berkuatkuasa. Akta tersebut menyediakan rangka kerja perundangan bagi memastikan sistem pembayaran negara berfungsi secara berkesan dan stabil, di samping mengekalkan keyakinan terhadap sistem pembayaran.

3 November

Bank telah mengumumkan pelonggaran had pelaburan dalam kemudahan kredit oleh penginsurans di bawah Rangka Kerja Aset Diizinkan bagi Penginsurans. Langkah ini dijangka dapat menggalakkan peningkatan permintaan terhadap instrumen hutang swasta dan seterusnya, menyumbang kepada pembangunan pasaran modal tempatan.

6 November

Bank telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Tahunan Keenam Kumpulan Kerja Bank for International Settlements bagi Dasar Monetari Asia. Kumpulan Kerja tersebut bertemu setiap tahun bagi mengkaji perkembangan

dan tinjauan ekonomi global dan serantau, termasuk bertukar pendapat mengenai implikasi dasar monetari dan kewangan.

19 November

Bank telah menubuhkan Mekanisme Penyelesaian Hutang Kecil bagi membantu penstrukturan semula hutang tak berbayar Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang masih berdaya maju. Sebuah jawatankuasa 11 anggota telah ditubuhkan di bawah mekanisme ini, dengan Unit Khas IKS di Bank sebagai Sekretariatnya. Mekanisme ini juga menggantikan mekanisme penstrukturan semula dan pembiayaan sedia ada dua tabung khas.

19 November

Bank mengumumkan ekonomi Malaysia telah tumbuh pada kadar yang lebih pesat sebanyak 5.1% dalam suku ketiga tahun 2003. Pertumbuhan tersebut adalah menyeluruh. Tindakbalas sektor swasta yang kukuh terhadap langkah proaktif Kerajaan berserta kadar faedah yang rendah, telah meningkatkan momentum pertumbuhan.

21 November

Bank telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Bank Pusat Pakistan bagi menggalakkan kerjasama dalam pembiayaan perdagangan dua hala dan aliran pelaburan, selain bantuan teknikal dan pembinaan kapasiti di bidang kewangan. Memorandum tersebut menggambarkan komitmen untuk bekerjasama dalam usaha berterusan untuk membangunkan aturan pembiayaan alternatif, termasuk memulakan pembayaran perdagangan berasaskan emas.

8 Disember

Bank mengumumkan butiran terperinci mengenai terbitan pertama daripada lapan terbitan Bon Simpanan Merdeka. Bon yang berlandaskan Syariah tersebut disasarkan kepada warga emas dan anggota tentera yang telah bersara. Sejumlah RM500 juta telah ditawarkan bagi terbitan pertama pada 4 Februari 2004 dengan kadar kentungan sebanyak 5% setahun. Bon tersebut telah dilanggan sepenuhnya.

29 Disember

Bank menerbitkan "Buku Wang Saku" (BWS) dan "Buku Perancangan dan Penyata Kewangan Keluarga" bagi tahun 2004. Penerbitan kedua-dua buku ini adalah sebahagian daripada usaha yang berterusan untuk meningkatkan kesedaran umum tentang kepentingan pengurusan kewangan peribadi dan perancangan kewangan. Tema BWS bagi tahun 2004 ialah "Pengurusan kewangan, kunci ke arah pelaburan yang bijak".

2004

5 Januari

Bank mengeluarkan wang kertas RM10 dengan ciri keselamatan terkini, yang menggunakan elemen anti-salinan LEAD®. Ciri keselamatan tambahan ini memastikan wang kertas Malaysia tidak mudah dikompromi.

2 Februari

Bank dan Universiti Malaya bersama-sama menganjurkan Syarahan Awam oleh pemegang kedua Kerusi Tun Ismail Ali, Dr. Yilmaz Akyüz di Kuala Lumpur. Syarahan tersebut bertajuk "Managing Financial Instability and Shocks in a Globalizing World."